

Bil. 79

**Khamis
12 Disember 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1997

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B. 51

(Ruangan 14)

Maksud B. 52

(Ruangan 26)

Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah
(Pindaan) 1996

(Ruangan 41)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1997

Jawatankuasa:

Maksud P. 51

(Ruangan 14)

Maksud P. 52

(Ruangan 26)

Oktober, 1996.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin RAja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

- Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- Yang Berhormat Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah ,
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 12 Disember 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

FAMA - MEMPERTINGKATKAN EKSPORT
BUAH-BUAHAN TROPIKA

1. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar] minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha yang akan dapat diusahakan oleh FAMA bagi mempertingkatkan eksport buah-buahan tropika ke luar negara; dan apakah buah-buahan yang terlibat dan nyatakan destinasi eksportnya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang diambil oleh FAMA bagi mempertingkatkan eksport buah-buahan adalah seperti berikut:

- (i) FAMA sentiasa menyertai secara aktif Program Pameran Perdagangan Antarabangsa yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tujuannya ialah untuk memperkenalkan dan mempromosi buah-buahan tropika tempatan di samping mendapat maklum balas mengenai kecenderungan pengguna terhadap buah-buahan tempatan.
- (ii) FAMA juga terlibat secara langsung untuk mengeksport buah-buahan tropika ke pasaran tertentu seperti ke Hong Kong, Timur Tengah dan negara-negara Eropah. Buah-buahan yang dieksport oleh FAMA ialah belimbing, betik, nanas segar dan beberapa jenis buah-buahan bermusim seperti rambutan dan manggis. Pada tahun 1994, FAMA telah mengeksport buah-buahan bernilai RM4.3 juta dan RM4 juta pada tahun 1995.
- (iii) FAMA juga melaksanakan kajian pasaran buah-buahan tropika di luar negara seperti di Taiwan, Hong Kong dan Korea juga di

negara-negara Eropah. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti mengenai kecenderungan pasaran, harga dan amalan-amalan pemasaran di negara itu.

- (iv) FAMA juga mengadakan program pengumpulan maklumat pasaran dengan pihak International Trade Centre di Geneva. Tujuannya ialah untuk dijadikan panduan kepada institusi buah-buahan bagi menilai keperluan dan permintaan buah-buahan tropika di luar negara.
- (v) FAMA juga mengadakan program penghantaran sampel buah-buahan tropika ke luar negara bagi tujuan mendapat maklum balas mengenai permintaan buah-buahan tempatan di pasaran tertentu.
- (vi) Sejak tahun 1994 lagi FAMA telah melaksanakan Skim Kawalan Mutu untuk buah-buahan yang dieksport. Skim ini akan diperluaskan lagi kepada buah-buahan lain seperti betik dan bunga-bunga. Tujuannya untuk menaikkan imej kualiti buah-buahan demi menggalakkan eksport buah-buahan tempatan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon maklumat tambahan. Apakah maklumat pasaran dan permintaan yang didapati oleh pihak FAMA sekarang? Adakah kita dapat memenuhi permintaan pasaran luar negara dengan kemampuan kita mengeluarkan buah-buahan segar sekarang dan adakah FAMA juga berhasrat untuk mengeksport buah-buahan yang sudah pun diproses, sama ada dikeringkan, ditinkan atau sebagainya?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada keperluan pasaran antarabangsa dapat dipenuhi, tetapi walau bagaimanapun, terdapat juga sesetengah buah tempatan atau tropika ini tidak dapat diberi pada musim-musim keputusannya. Dengan sebab itu FAMA akan cuba untuk bersama-sama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian supaya skim penanaman atau pengeluaran secara besar-besaran akan diadakan bagi memenuhi permintaan yang berkenaan, terutama sekali misalnya, tembikai, kita telah dapat meningkatkan eksportnya daripada tahun 1991 sebanyak RM22.36 juta kepada RM51.3 juta pada tahun 1995. Jadi, kira-kira lebih daripada 100% peningkatan nilai eksport tembikai.

Begitu juga pada betik. Kita telah dapat meningkatkan daripada RM23.8 juta pada tahun 1991 kepada RM33.8 juta pada tahun 1995 dan

selain daripada itu, FAMA juga memang ada memasarkan barang-barang yang telah diproses terutama sekali yang terdiri dari jam dan juga lain-lain seperti halwa dan lain-lain barangan yang telah diproses.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penanaman buah-buahan tempatan telah berjaya mengeluarkan beberapa jenis buah tropika di beberapa kawasan di negara ini. Saya ingin tahu, adakah FAMA mengambil tindakan untuk memproses buah-buahan ini seperti fruit canning di beberapa kawasan untuk industri kampung?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelas tadi bahawa FAMA memang ada membuat proses, tetapi 'fruit canning' ini boleh dikatakan sebahagian sahaja sebagai percubaan. Nenas boleh dikatakan diusahakan oleh private sector, tetapi walau bagaimanapun, FAMA sedang memperluaskan kerja-kerja pemprosesan ini, terutama untuk mengeluarkan jam daripada "roset" dan juga makanan-makanan daripada buah-buahan tempatan seperti betik dan lain-lain lagi.

UDARA LEMBAHKELANG-PENINGKATAN KUALITI

2. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan kualiti udara di negara kita khususnya di Lembah Kelang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan kualiti udara di negara kita khususnya di Lembah Kelang adalah seperti:-

- (i) Mewarta dan menguatkuasakan mulai 1hb. September, 1996, satu peraturan baru dan merumuskan dua lagi peraturan baru iaitu Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 bagi memantapkan lagi kaedah kawalan pelepasan asap hitam oleh kenderaan berenjin diesel. Peraturan baru ini lebih menumpukan kawalan pelepasan melalui pendekatan pencegahan, preventive, dengan izin, iaitu pengawalan di peringkat pembuatan atau pemasangan kenderaan di mana enjin-enjin kenderaan baru dikehendaki mematuhi standard pelepasan tertentu sebelum dibenarkan untuk dipasarkan.

- (ii) Merumuskan dua lagi peraturan baru mengenai kenderaan petrol dan motosikal. Peraturan ini akan memerlukan penggunaan alat 'catalytic converter' yang berperanan untuk mengurangkan pelepasan gas-gas pencemar dengan berkesan.
- (iii) Menubuhkan satu jawatankuasa yang dianggotai bersama oleh Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengangkutan Jalan serta Polis DiRaja Malaysia pada 29hb. Ogos, 1996 yang lalu bagi tujuan menyeragamkan tindakan tegas oleh agensi penguatkuasaan di atas kenderaan yang mengeluarkan asap hitam berlebihan.
- (iv) Mempertingkatkan kaedah penguatkuasaan ke atas kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan melalui Program Area Watch And Sanction Inspection (AWASI). Pelaksanaan Program AWASI ini adalah melalui rondaan berterusan di laluan utama kenderaan di kawasan bandar. Kenderaan yang dikesan melepaskan asap hitam berlebihan akan diberhentikan untuk diuji pelepasan asapnya dengan menggunakan meter asap. Tindakan kompaun dikenakan kepada kenderaan yang gagal mematuhi had-had asap yang ditetapkan dan notis melarang penggunaan kenderaan daripada beroperasi sehingga diperbaiki dikenakan kepada kenderaan yang telah berulang kali disaman.
- (v) Mengambil tindakan tegas di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk menghadapkan pihak yang melakukan pembakaran secara terbuka tanpa lesen ke atas sisa-sisa buangan ke mahkamah. Dari bulan Januari hingga September tahun ini, sejumlah 285 kes pembakaran terbuka telah dikompaun, manakala 14 kes lagi telah dihadapkan ke mahkamah dan 20 kes lagi sedang dalam proses untuk dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Timbalan Menteri di atas jawapan. Saya ingin bertanya di atas pelaksanaan yang akan dilaksanakan bagi mengawal selia pelepasan asap diesel dan juga petrol, tindakan yang dibuat pada hari ini, adakah pihak jabatan ataupun kementerian berpuas hati dengan cara pengukuran yang dibuat melalui Hartridge Smoke Meter Unit (HSU) meter yang digunakan oleh jabatan-jabatan berkenaan seperti

JAS, JPJ dan juga Polis Trafik dan adakah satu kaedah yang lain sekiranya pihak JAS tidak berpuas hati dengan kadar yang berlaku sekarang ini, adakah tindakan yang lain, cara pengukuran asap, selain daripada pemerhatian dan observasi melalui gambar dan sebagainya, berdasarkan kaedah 107 RTA 1998.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, untuk setakat ini kita berpuas hati dengan apa yang dibuatkan untuk mengambil tindakan kepada mereka yang telah melakukan kesalahan seperti ini tetapi usaha untuk meningkatkan lagi sedang dijalankan, untuk mencari jalan bagaimana untuk diambil tindakan yang lebih berkesan lagi, kerana banyak perkara ini sedang berlaku di Lembah Kelang pada ketika ini.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah dan pandangan yang mungkin boleh diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengurangkan pencemaran udara yang dikeluarkan melalui motosikal yang berenjin dua rejang yang selalunya begitu banyak mengeluarkan udara pencemaran di negara kita ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memanglah usaha untuk mengambil tindakan kepada mereka yang telah melakukan kesalahan ini sedang giat dijalankan. Tetapi, untuk masa ini, kualiti udara di Lembah Kelang ini masih lagi boleh dikatakan selamat dan tidak merbahaya lagi.

TEMA HARI KEBANGSAAN - MEMANFAATKAN

3. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah tema Hari Kebangsaan yang begitu baik yang diperkenalkan pada setiap tahun semenjak kita mencapai kemerdekaan itu tidak dimanfaatkan dengan program yang mantap dan menyeluruh berdasarkan intisari tema itu sepanjang tahun yang berkenaan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, perayaan Hari Kebangsaan yang diadakan pada setiap tahun mempunyai matlamat khusus iaitu untuk memberi kesedaran kepada rakyat mengingati kemerdekaan negara terutamanya bagi generasi yang lahir selepas merdeka.

Pada setiap tahun perayaan diadakan, kerajaan telah menentukan satu tema yang mempunyai mesej tertentu bagi tahun tersebut. Tema tahunan ini merupakan satu seruan kerajaan kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya untuk tahun berkenaan,

mengenai hasrat yang dikehendaki oleh kerajaan untuk dilaksanakan oleh rakyat pada tahun tersebut.

Program yang dilaksanakan pada satu-satu tahun bukanlah 100% berdasarkan intisari tema tahun tersebut, oleh kerana sesetengah aktiviti perayaan Hari Kebangsaan merupakan aturcara tahunan yang telah sedia tersusun dan aturcara tersebut mempunyai matlamat jangka panjang tersendiri ataupun matlamat yang telah tersurat.

Oleh yang demikian, tidak semua aktiviti tahunan yang dijalankan bagi satu-satu tahun itu merangkumi sepenuhnya intisari tema tahun tersebut. Bagaimanapun, terdapat beberapa program di dalam aturcara perayaan Hari Kebangsaan seperti pertandingan pidato, "Majlis Forum Perdana" dan lain-lain yang mempunyai kaitan secara langsung dengan tema tahunan program Hari Kebangsaan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak lima tahun kebelakangan ini, saya mengikut kemajuan ataupun keadaan bagaimana rakyat Malaysia meraikan Hari Kemerdekaan dan hari kemerdekaan adalah mengingatkan kita kepada detik-detik sejarah sendiri dan membangkitkan perasaan patriotik dan kasih sayang kita kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kesannya amatlah tidak memuaskan, umpamanya dikehendaki rakyat Malaysia mengibarkan bendera di seluruh negara di setiap rumah dan pejabat, tetapi sambutan adalah begitu dingin sekali oleh masyarakat Malaysia. Jadi, soalan saya, apakah tindakan yang seterusnya oleh pihak kementerian agar jurusan dan saluran yang tertentu umpamanya menggunakan anak-anak sekolah dan persatuan dan pejabat-pejabat dengan secara khusus supaya mengibarkan bendera pada hari-hari yang tersebut ataupun beberapa hari sebelum tarikh 31hb. Ogos setiap tahun.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saranan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar itu adalah baik dan akan diambil pertimbangan untuk diambil tindakan bagi tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, apakah kerajaan berpuas hati dengan penerapan nilai-nilai murni kepada khususnya generasi muda kita misalannya semangat patriotisme, kesedaran sivik yang tinggi, semangat jati diri, ketahanan fizikal dan mental selepas 39 tahun kita merdeka, bagi membolehkan mereka menghadapi abad yang akan datang dengan penuh yakin. Dan jikalau tidak berpuas hati, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, usaha memupuk semangat, mengajar dan mendidik rakyat adalah satu usaha berterusan. Tidaklah terhad sahaja bagi untuk dilaksanakan pada perayaan kemerdekaan sahaja. Adalah amat sukar hendak diberi satu jawapan yang khusus mengenai sama ada kita telah berjaya atau tidak, tetapi pada keseluruhannya didapati pada hari ini rakyat Malaysia dari berbilang kaum, banyak sudah daripada peratusan yang tinggi merasai bahawa mereka itu adalah rakyat Malaysia dan mereka megah bahawa mereka rakyat Malaysia.

Dari segi perhubungan kaum juga, didapati pada ketika ini semasa negara sedang menuju ke arah kecemerlangan yang lebih tinggi didapati nasionalisme yang lebih baik daripada yang telah lalu, khususnya di kalangan anak-anak yang berbilang kaum. Saya rasa adalah menjadi tanggungjawab kita untuk meneruskan usaha ini setiap masa.

KESRAHIMTAMBYCHIK-LAPORAN PUAN PENDEKAHMAD

4. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keputusan siasatan polis ke atas laporan yang dibuat oleh Puan Pendek binti Ahmad terhadap Ketua Pemuda UMNO dan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik kerana memfitnahkan cucu dan keluarganya di bawah seksyen 499 Kanun Keseksaaan dengan menyatakan cucunya (bawah umur 16 tahun) telah membuat pengakuan bersumpah mengakui telah dipujuk oleh pemimpin UMNO tertentu membohong dan hubungan seks dengan Tan Sri Rahim Repot No. 880/96 Balai Polis Ayer Keroh, Melaka pada 12 September 1996. Berapa ramai orang telah disoalsiasat dan adakah serta bilakah Tan Sri Rahim dan pihak Pusat Pemulihan Akhlak Tan Puteri Rembau disoalsiasat oleh pihak polis.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, kes ini masih dalam siasatan polis. Oleh kerana terdapat satu perbicaraan di mahkamah yang masih lagi berjalan dan ada hubung kait dengan kandungan kes ini, maka saya tidak boleh memberi apa-apa maklumat yang lanjut di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun siasatan ini masih dijalankan oleh pihak polis. Bolehkah saya bertanya sama ada benar atau

tidak bahawa Pusat Pemulihan Akhlak ada membenarkan surat 'sanctuary declration' dibuat dalam Pusat Pemulihan Akhlak tersebut? Kerana kalau ia, bermakna bahawa Pusat Pemulihan Akhlak Puteri Rembau telah bersubahat dengan Tan Sri Rahim untuk mendapat 'sanctuary declration' menjelang pemilihan Ketua Pemuda UMNO?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya itu tergolong dalam maklumat lanjut yang tidak boleh saya beri.

PBB-PEMANSUHAN KUASA VETO

5. **Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah rancangan Malaysia untuk mencadang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar kuasa veto di Security Council Bangsa-Bangsa Bersatu dimansuhkan agar PBB dapat dilihat sebagai satu badan dunia yang lebih demokrasi.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 19hb. November 1996 yang lalu yang juga dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood.

[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai) tidak hadir]

TANAH KEMENTERIAN PERTAHANAN-LUAS

7. **Tuan Haji Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa luaskah tanah-tanah di bawah Kementerian Pertahanan di seluruh Malaysia; dan
- (b) apakah rancangan mutakhir bagi Kementerian Pertahanan terhadap tanah Lapangan Terbang Tanjung Laboh Batu Pahat dan tanah-tanah di bawah Kementerian Pertahanan yang ada di sekitar dalam daerah Batu Pahat.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) keluasan tanah Persekutuan di bawah kegunaan Kementerian Pertahanan ialah seluas 86,566.541 ekar; dan

- (b) Lapangan Terbang Tanjong Laboh sedang digunakan oleh Kementerian Pertahanan sebagai kawasan latihan penerjunan dan latihan ketenteraan yang lain. Suruhanjaya Tanah Persekutuan ada memiliki tanah untuk kegunaan Kementerian Pertahanan seluas 300 ekar di Batu Pahat, Johor. Ketika ini tanah yang dimaksudkan itu telah dirancang untuk pembinaan semula Kem Rejimen 4/510 Askar Wataniah secara penswastaan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin tahu bagaimanakah kedudukan program pembinaan dan pemusatan kem tentera di Gemas, Negeri Sembilan. Bilakah ia akan bermula dan adakah apabila siapnya pemusatan seluruh kem tentera di Negeri Sembilan akan melibatkan perpindahan semua 4 kem yang ada di Negeri Sembilan termasuk Paroi, Rasah dan juga Sikamat? Terima kasih.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah bentuk yang lain. Saya boleh nyatakan bahawa pihak kerajaan melalui Kementerian Pertahanan dan EPU masih lagi berunding untuk menentukan program seterusnya berkenaan dengan kem di Gemas yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu tadi.

Tuan Zainal Abidin bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa tahun dahulu, kerajaan membuat pengumuman yang Kem Majidi, Johor Bahru, akan dipindahkan ke tempat lain. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada kerajaan telah mengenal pasti tapak baru bagi kem ini dan apakah perkembangan selanjutnya berkenaan kem yang baru ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, masih dalam perbincangan di peringkat kementerian.

ELEKTRIK UNTUK KAMPUNG-KAMPUNG DI TENOM

8. **Tuan Radin Malleh [Tenom]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan nama-nama kampung dalam Kawasan Parlimen Tenom yang dirancang akan mendapat bekalan letrik dan air atau apa-apa projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, nama-nama

kampung dalam kawasan Parlimen Tenom yang dirancang akan mendapat bekalan elektrik dan air dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah seperti berikut:

Bagi projek bekalan elektrik luar bandar, nama kampung-kampung yang mendapat ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang ke jawapan itu?

Tuan Douglas Uggah Embas: Panjang, dengan izin, minta secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau panjang minta hantar berkenaan dengan kawasan Tenom sahaja.

Tuan Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh hantar surat sahaja kepada dia.

Tuan Douglas Uggah Embas: Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

RUMAH KAKITANGAN KERAJAAN - USAHA MEMAJUTAPAK

9. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah rumah kediaman anggota-anggota kerajaan di tiap negeri di seluruh negara; dan
- (b) memandangkan rumah-rumah tersebut terlalu usang, adakah kerajaan bercadang untuk memajukan semula tanah-tanah tersebut untuk didirikan bangunan baru atau perumahan rakyat atau bangunan kedai bumiputera umpamanya.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, jumlah rumah kediaman Kerajaan Persekutuan di seluruh negara sehingga 30hb. November 1996 adalah sebanyak 124,970 dan Yang Berhormat dari Arau meminta disenaraikan, dibacakan satu persatu tetapi senarainya begini panjang, saya ingat saya akan hantar secara bertulis.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,447 buah di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri. Rumah-rumah ini terletak di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Rumah-rumah ini kelihatan seperti usang kerana ianya dibina di antara tahun 1894 hingga 1961. Kerajaan telah dan akan memajukan tanah-tanah tersebut untuk pembangunan semula.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak

kementerian ataupun Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa di Sabah, beberapa kakitangan kerajaan Persekutuan ataupun negeri yang tinggal di sekitar Tanjong Aru kini terpaksa mencari rumah-rumah untuk disewa atau dibeli oleh kerana pihak kerajaan negeri telah memberi notis kepada mereka untuk berpindah sedangkan belum ada rumah lagi.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ini adalah urusan kerajaan negeri dan saya percaya sekiranya arahan itu benar maka sudah tentu dari segi masalah perumahan untuk menggantikan rumah-rumah yang sedia ada sudah pun diambil kira oleh kerajaan negeri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di persekitaran Kuala Lumpur dan juga luar daripada Kuala Lumpur di mana terletaknya rumah-rumah kerajaan. Di dapati kawasan rumah-rumah itu begitu luas, rumah itu sudah lama dan dibina sebelum merdeka lagi. Jadi, memandangkan keadaan kos sewaan begitu tinggi di Bandaraya Kuala Lumpur adakah pihak kerajaan akan membina bangunan-bangunan apartment dan dijadikan kuarters kepada pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan yang datang ataupun pindah untuk berkhidmat di Bandaraya Kuala Lumpur ini, kerana kos mereka agak tinggi. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan sistem ini bagi meringankan beban pegawai-pegawai kerajaan terutama sekali yang berpendapatan sederhana dan rendah? Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak mempunyai dasar untuk memajukan tanah-tanah ini sebagai kuarters bagi kegunaan kakitangan kerajaan. Tanah-tanah yang ada di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya merupakan hartanah yang bernilai tinggi dan hanya akan digunakan setelah diambil kira manfaat yang akan diperolehi kepada rakyat dan kerajaan dan kepada semua pihak.

RUMAH KOS RENDAH - PELAKSANAAN SISTEM PENDAFTARAN TERBUKA BERKOMPUTER

10. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan unit rumah kos rendah (RM25,000 hingga RM35,000 seunit) yang dibina di negeri Pulau Pinang bagi setiap tahun 1991 - 1995; dan

- (b) adakah satu sistem "database pemohon-pemohon rumah kos rendah" dan satu lagi "pemilik-pemilik rumah" disiapkan oleh jabatan perumahan negeri dan kementerian untuk mengurangkan kes-kes di mana sebuah keluarga mungkin diperuntukkan dua atau tiga buah rumah kos rendah dan memandangkan banyak masalah berkaitan dengan perparitan dan jalan ditinggalkan oleh pemaju-pemaju yang membina taman-taman perumahan di seluruh negara, bolehkah kementerian tetapkan satu tempoh tertentu selepas penyerahan sijil "OC" supaya pemaju harus bertanggungjawab terhadap masalah banjir, kerosakan loji najis, longkang/parit atau jalan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan unit rumah kos rendah yang dibina di Pulau Pinang dari tahun 1991 sehingga 1995 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Rumah
1991	8,352 unit
1992	4,027 unit
1993	887 unit
1994	3,030 unit
1995	3,052 unit
Jumlah	19,348 unit

- (b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan Sistem Pendaftaran Terbuka Berkomputer bagi mendaftar pembeli dan memilih pembeli-pembeli rumah kos rendah di negeri-negeri.

Setakat ini, negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah, Pahang dan Sarawak telah melaksanakan Sistem Pendaftaran Berkomputer. Negeri Perlis menggunakan sistem pendaftaran terbuka secara manual. Negeri Perak, Terengganu dan Sabah sedang dalam proses untuk mengadakan Sistem Pendaftaran Berkomputer. Semua maklumat pembeli di peringkat negeri akan dikumpulkan di peringkat kementerian.

Sistem ini akan dapat mengelakkan berlakunya penjualan rumah kos rendah

kepada golongan yang tidak layak dan pemilikan lebih dari satu rumah kos rendah.

Pemaju sebenarnya dikehendaki menyempurnakan pembinaan parit, jalan dan lain-lain kemudahan sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan. Apabila ini sempurna, barulah pihak berkuasa tempatan mengambil alih. Dalam masa itu, pihak pemaju masih bertanggungjawab terhadap penyelenggaraannya. Suatu tempoh tertentu sukar hendak ditetapkan kerana ini bergantung kepada tahap kemudahan-kemudahan telah disempurnakan bagi sesuatu projek.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri. Pada satu ketika dahulu, kerajaan-kerajaan negeri adalah juga sebagai pemaju kepada projek rumah kos rendah. Contohnya, Kerajaan Negeri Kedah. Kemudian daripada itu, setelah kerajaan membeli dan mengambil tanah-tanah untuk dibina rumah-rumah kos rendah ini, selepas itu tanah-tanah ini diswastakan kepada pihak swasta. Kemudian pihak yang berkenaan tidak mendirikan rumah-rumah seperti mana yang dikehendaki ataupun tidak mengikut program seperti mana yang dikehendaki. Apakah tindakan kementerian untuk meminta pihak-pihak yang telah mendapat penswastakan projek ini supaya mereka membina rumah-rumah seperti mana yang dikehendaki oleh program kita untuk memenuhi permintaan rakyat?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Tetapi kalau kerajaan negeri memohon pinjaman dari Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah kos rendah dan selepas mendapat pinjaman, rumah-rumah ini tidak dibina, maka itu merupakan tanggungjawab kementerian.

Tetapi kalau kerajaan negeri mengambil tanah untuk dijadikan tapak perumahan kos rendah, tetapi tidak melibatkan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, maka sehingga pinjaman diberi oleh Kerajaan Persekutuan, maka barulah ia menjadi tanggungjawab kementerian. Jadi, saya berharap Yang Berhormat bangkitkanlah perkara ini dengan pihak kerajaan negeri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rumah kos rendah yang telah dibeli oleh pembeli yang mempunyai kelayakan. *[Disampuk]* Sabar dahulu. Rumah kos rendah yang dibeli oleh pembeli yang mempunyai kelayakan, tetapi dijual dengan

harga yang tinggi, apakah pihak kerajaan tidak ada kawalan?

Ataupun sebelum daripada ini pihak kerajaan tidak ambil tahu...

Seorang Ahli: Soalan....soalan....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:persoalan-persoalan yang telah berlaku? Saya kira Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh faham. *[Disampuk]*

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa yang luas untuk memastikan bahawa rumah kos rendah dijual pada harga di bawah RM25,000. Kalau berlaku di Kelantan bahawa ada rumah kos rendah yang dijual lebih daripada RM25,000, maka saya berharap kepada Yang Berhormat bangkitkanlah perkara ini kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya kira...*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, cukuplah. *[Disampuk]* Cukuplah, cukup.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia beli, kemudian dijual dengan harga yang mahal! *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Tak mengerti bahasa dia!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dibeli dengan harga yang murah, tetapi dijual dengan harga yang mahal!

Seorang Ahli: Apalah kecek! *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Tiong Thai King (Beluran) tidak hadir]

PERIKANAN LAUT DALAM-BANTUAN KEPADANELAYANTEMPATAN

12. Tuan Asmat Nungka [Beluran] minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah tugas utama LKIM dalam membantu nelayan tempatan dan bagaimanakah kerajaan membantu nelayan tempatan menceburi perikanan laut dalam; dan
- (b) kebanyakan lesen perikanan laut dalam dikeluarkan kepada nelayan Cina, apakah

syarat-syarat untuk mendapatkan lesen berkenaan.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) ditubuhkan oleh kerajaan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan. Dalam melaksanakan program-program pembangunan ke arah memperbaiki taraf sosio-ekonomi nelayan, LKIM juga memberi penumpuan kepada tiga aspek utama iaitu pembangunan sosio-ekonomi, pembangunan khidmat sokongan dan pembangunan projek komersial.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah pembangunan sosio-ekonomi nelayan agak panjang, Tuan Yang di-Pertua, dan saya akan memberi secara bertulis kerana tugas LKIM ini banyak. Jadi, ada lebih kurang 20 tugas.

- (b) Lesen Laut Dalam dikeluarkan kepada pemohon yang layak tanpa mengira kaum kecuali keutamaan kepada bumiputera selaras dengan kehendak dasar kerajaan sekarang.

Mengikut rekod Kementerian Pertanian dari 1,197 lesen laut dalam yang telah diluluskan, sebanyak 777 (64.9%) diberikan kepada bumiputera, 297 (24.8%) kepada bukan bumiputera dan bakinya 125 (10.4%) kepada perkongsian antara kedua-duanya. Kementerian Pertanian membuka permohonan untuk lesen laut dalam kepada semua warganegara Malaysia atau syarikat-syarikat milik warganegara Malaysia.

Di antara syarat-syarat yang dikenakan ialah mereka hendaklah mempunyai kemampuan dari segi pengalaman dan juga kewangan untuk melaksanakan projek berkaitan. Bidang ini memerlukan modal yang tinggi kerana kos membina sebuah vesel baru dan pelbagai peralatan boleh menjangkau RM750,000 dan modal pusingan yang diperlukan tidak kurang dari RM30,000 setiap bulan. Hanya mereka yang mempunyai modal yang kukuh, berpengalaman dan sanggup menghadapi risiko yang tinggi sahaja yang boleh menceburi di bidang ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang

Berhormat kata ada 20 tanggungjawab yang diamanahkan kepada LKIM. Saya hendak tahu adakah penyusunan semula penempatan nelayan-nelayan, kerana kita tengok di tepi laut, nelayan ini rumah depa berselerak di tepi sungai dan sebagainya. Jadi, adakah pihak LKIM bercadang untuk menyusun semula menjadikan perkampungan nelayan yang tersusun seperti yang kita lakukan di Sungai Udang dan dengan itu lebih memudahkan pihak LKIM dan agensi-agensi lain memberi bantuan kerana nelayan ini mereka jarang berkawan dengan orang fasal mereka pergi ke laut. Di laut bukan ada kawan sangat, jauh-jauh. Jadi, depa mai di atas darat, depa berkawan sesama depa. Jadi, apakah perancangan untuk memodenkan penghidupan para nelayan ini?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, salah satu tugas LKIM ialah pengwujudan perkampungan nelayan yang serba lengkap dan persekitaran yang lebih bersih dan selesa dan tugas yang ketiga ialah menyusun semula penempatan masyarakat nelayan dengan memberikan kemudahan asas yang lebih baik dan selesa.

Jadi, ini menjadi tugas atau kewajipan LKIM. Tetapi sebagaimana Yang Berhormat kata, nelayan ini tidak berkawan di dalam laut, sekarang mereka sudah berkawan. Mereka sudah ada handphone belaka. Jadi sambil-sambil menarik pukat, dia boleh bercakap di antara satu sama lain melalui handphone, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormatlah.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan nelayan-nelayan di pantai barat, khususnya di negeri Selangor, mereka ini tidak layak diberi lesen laut dalam, bukan kerana mereka tidak ada modal, tetapi kerana jarak pantai dengan perairan antarabangsa itu terlalu dekat. Jadi, apakah alternatif pihak kementerian untuk membantu nelayan-nelayan di pantai barat ini untuk menambahkan lagi hasil tangkapan ikan mereka?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bukan semua negeri di Pantai Barat ini tidak layak kerana sebagaimana kita ketahui di sekitar Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, masih ada laut dalam dan kalau di Perlis, kepada bumiputera kita sudah lulus 25, bukan bumiputera 22, joint venture 1. Kedah 36 bumiputera dan bukan bumiputera 13. Pulau Pinang 10 bumiputera, 1 bukan bumiputera dan Perak bukan bumiputera 68.

Pendek kata setiap negeri ini ada tetapi walau bagaimanapun, tugas yang besar yang dijalankan oleh LKIM selain daripada laut dalam ialah membina unjam-unjam iaitu di kawasan zon A 5 batu nautika. Ini banyak memberi faedah kepada nelayan-nelayan pantai terutama sekali di Pantai Barat. Insya-Allah, saya yakin peruntukan sebanyak RM11 juta diberikan bagi Rancangan Malaysia Ketujuh dalam usaha menolong nelayan-nelayan pantai yang sebahagian besar terdapat di Pantai Barat.

WAKIL PERGERAKAN PENGGUNA DILANTIK SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

13. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan pendirian kementerian nya mengenai cadangan bahawa seorang wakil daripada pergerakan pengguna dilantik sebagai Ahli Dewan Negara atau Senator.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, matlamat penubuhan Persatuan Pengguna ialah untuk melindungi hak-hak dan kepentingan masyarakat pengguna. Persatuan Pengguna adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bebas dan terlibat secara langsung di dalam aktiviti kepenggunaan. Sehingga kini, setiap negeri mempunyai Persatuan Pengguna yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Pada 28 Disember 1973, gabungan Persatuan Pengguna Malaysia telah ditubuhkan di mana persatuan-persatuan pengguna negeri telah bergabung di bawahnya. Buat masa ini, persatuan-persatuan pengguna telah mempunyai saluran-saluran tertentu untuk mengemukakan pandangan dan cadangan mereka ke atas isu-isu yang menyentuh bidang kepenggunaan. Kementerian telah dan akan terus mengadakan majlis-majlis dialog dengan mereka termasuk dialog tahunan di antara kementerian dengan FOMCA dan persatuan-persatuan pengguna negeri. Wakil-wakil daripada Persatuan Pengguna juga telah dilantik menganggotai Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang merupakan badan yang dibentuk untuk menasihati menteri mengenai perkara kepenggunaan.

Selain daripada itu, wakil daripada persatuan-persatuan ini juga dijemput menganggotai majlis hal ehwal pengguna negeri yang berkenaan. Memandangkan kepada keadaan ini adalah tidak perlu buat masa ini wakil daripada persatuan pengguna dilantik sebagai ahli Dewan Negara.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kejayaan kerjasama dalam Kempen Inflasi Sifar di antara persatuan-persatuan pengguna dengan kementerian Yang Berhormat dan adakah bantuan kewangan diberikan kepada persatuan-persatuan pengguna di seluruh negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tidak bersangkutan itu, yang ditanya ini berkenaan dengan ahli atau wakil daripada pergerakan pengguna menjadi Senator. Ya, Parit Buntar, apa hendak tanya?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun kerajaan, kementerian khususnya tidak bercadang untuk memberikan perwakilan kepada pergerakan pengguna tetapi terdapat rintihan di kalangan pergerakan pengguna seolah-olah kononnya pendapat-pendapat mereka selama ini, yang disuarakan, tidak mendapat pengiktirafan dalam erti kata, dalam banyak hal kadangkala kerajaan lebih berpihak kepada peniaga daripada pendapat-pendapat yang diberikan oleh para pengguna. Jadi, apakah telahan ini benar ataupun sama ada kementerian bersetuju dengan pendapat ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wakil daripada Persatuan Pengguna telah pun dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan (MPPPK) dan ramai juga wakil daripada persatuan telah dilantik dalam Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri dan ramai orang termasuk ahli-ahli perniagaan dan wakil dari media massa juga dilantik dalam Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri atau peringkat daerah. Jadi, mereka bolehlah selalu mengemukakan pandangan atau cadangan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

EJEN INSURANS NYAWA-KOMISEN DAN UPAH

14. **Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejak Bank Negara mengambil tindakan untuk mengurangkan komisen dan upah ejen insurans nyawa:

- (a) apakah kesan-kesan positif yang telah dialami oleh industri insurans nyawa di negara ini; dan
- (b) adakah tindakan Bank Negara itu menjejaskan rezeki ejen-ejen insurans nyawa.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Garis panduan kos kendalian perniagaan insurans nyawa yang dilaksanakan berkuatkuasa pada lhb. Januari 1996 adalah antara langkah penting yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kecekapan operasi syarikat-syarikat insurans hayat di Malaysia. Dengan kecekapan operasi tersebut, kadar premium produk insurans hayat dapat diturunkan pada tahap yang lebih munasabah dan pulangan kepada pemegang polisi dapat dipertingkatkan.

Di samping itu, syarikat-syarikat insurans hayat di Malaysia juga akan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk bersaing dengan lebih berkesan dengan institusi kewangan lain mahupun dengan syarikat insurans asing. Kesan positif yang telah dinikmati oleh insurans hayat sejak pelaksanaan garis panduan ini pada lhb. Januari 1996 adalah ke arah pembangunan industri insurans Malaysia seperti berikut:

- (i) nisbah perbelanjaan termasuk komisen kepada jumlah pendapatan premium tahunan bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini adalah 40.7% berbanding dengan 44.6% dalam tempoh yang sama dalam tahun 1995 - menunjukkan bahawa kos industri insurans semakin terkawal dan dalam jangka panjang syarikat insurans Malaysia akan menjadi lebih cekap dan mampu bersaing dengan syarikat insurans asing dengan lebih berkesan;
- (ii) dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996, sebelas syarikat insurans hayat, masing-masing telah menurunkan kadar premium sehingga 35% untuk lebih 75 produk insurans hayat menunjukkan pemegang polisi mendapat manfaat daripada pengurangan kos;
- (iii) kes-kes yang berkaitan dengan pembelian-pembelian ejen, 'buy-over agent' bukan lagi merupakan isu yang membimbangkan kerana garis panduan ini memastikan persaingan sihat di kalangan syarikat insurans dengan tidak membenarkan insentif-insentif kewangan yang keterlaluan ditawarkan

kepada para ejen dengan tujuan membeli ejen-ejen.

- (b) Komisen kepada ejen mengikut dalam garis panduan ini adalah ditetapkan berdasarkan kepada tahap yang telah pun sedia diamalkan oleh beberapa syarikat dalam industri. Oleh yang demikian, pendapatan kebanyakan ejen insurans tidak akan terjejas akibat daripada pelaksanaan garis panduan ini. Hanya pendapatan sebahagian daripada ejen-ejen yang terdiri daripada ketua-ketua agensi yang menerima komisen yang secara relatif terlalu tinggi sebelum ini akan terjejas.

Walau bagaimanapun, memandangkan wujudnya potensi yang luas dalam pasaran insurans tempatan dan hanya lebih kurang 25% penduduk negara ini mempunyai perlindungan insurans, agen-agen insurans hayat mempunyai peluang yang amat luas untuk meningkatkan produktiviti mereka dan akhirnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan mereka.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd.

Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri umum tentang industri insurans ini. Tidak lama dahulu kita dengar ada pengumuman kerajaan untuk menyusun kembali dan mengukuhkan industri insurans supaya yang kecil itu digabung dan dibesarkan supaya dia boleh bersaing dengan syarikat-syarikat besar internasional supaya tidak timbul lagi kita kena re-insure ke luar negara dengan kesan pengaliran ke luar wang. Apakah kemajuan setakat ini? Sebab kita takut dan bimbang nanti kalau tidak kukuh, padu dan kuat syarikat insurans tempatan, bila ada tekanan nanti supaya pasaran industri kita dibuka, nanti keadaan kedudukan industri kita akan terancam. Saya minta sedikit pandangan dan jawapan dari Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat insurans tempatan telah diberikan satu jangka masa yang agak lama untuk merancang supaya dapat gabungan dilakukan untuk menggabungkan insurans-insurans kecil ataupun untuk menambahkan paid-up capital ke satu tahap yang difikirkan munasabah, iaitu cadangan Bank Negara untuk menjeniskan insurans itu kepada dua jenis iaitu Kumpulan I dan Kumpulan II. Setakat ini oleh kerana tarikh yang akhir itu belum sampai lagi dan susah kita hendak membuat apa-apa penilaian.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi diberitahu bahawa 25% daripada penduduk negara ini yang membuat perlindungan di bawah insurans hayat. Jadi, sebab-sebab utamanya, salah satunya rakyat kurang yakin dengan syarikat-syarikat insurans kerana kebanyakan semua perjanjian polisi itu memihak kepada syarikat insurans dan bila seseorang itu membeli insurans itu, tiba-tiba kalau dia hendak claim, syarikat insurans ini, pertama, susah hendak dapat; yang kedua, macam-macam cerewet yang akhirnya banyak memihak kepada syarikat insurans dan orang yang membeli insurans itu tidak berapa dapat banyak faedah.....

Seorang Ahli: Soalannya?

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Ini hendak pergi kepada soalan, sabar, sabar. Soalannya, adakah kementerian Yang Berhormat ini hendak teliti balik agreement yang disign antara pembeli dengan syarikat insurans, sudahlah agreement itu dalam bahasa Inggeris, kemudian masuk ke kampung jual insurans, orang kampung beli dan tenyeh sahaja, mana yang tak tahu sign, cap jari. Kemudian bila masa hendak claim kelak, pergi kepada lawyer pun cap jari juga, tak dapat apa. Jadi, kenalah tolong protect sedikit orang-orang yang beli insurans ini supaya jangan dok jadi korban kepada syarikat insurans ini!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya apa dia itu? [Ketawa]

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada pandangan yang telah dikemukakan. Sebenarnya semua produk polisi insurans itu untuk perlindungan hayat itu adalah diluluskan oleh pihak Bank Negara. Sama ada hanya terdapat 25% penduduk Malaysia membeli polisi insurans itu saya rasa adalah disebabkan kerana belum lagi rancangan ataupun galakan itu diperluaskan lagi dan ini memerlukan pendidikan dan juga rancangan tertentu supaya dapat digalakkan lagi.

PROGRAM PENANAMAN SEMULA HUTAN - BANTUAN KEPADA PELADANG

15. Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram] minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah peratusan sumbangan hasil pembalakan di bawah program penanaman semula hutan (reforestation) kepada jumlah hasil pengeluaran industri pembalakan dari segi kewangan dan dalam kiraan tonne, serta apakah bantuan yang diberi oleh kerajaan kepada

para peladang yang berminat untuk menanam jenis-jenis kayu yang berpotensi untuk dipasarkan di tanah mereka yang terbiar.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, Program Penanaman Semula Hutan (Reforestation) telah dimulakan beberapa tahun yang lalu, iaitu pertengahan tahun 80-an. Program ini kebanyakannya melibatkan penanaman secara ladang hutan. Di bawah program tersebut, setakat akhir tahun 1995 seluas 173,877 hektar telah pun ditanam di bawah program ladang hutan di seluruh Malaysia. Setakat ini kawasan seumpama itu belum lagi mengeluarkan hasil secara besar-besaran dan ekonomik.

Kawasan-kawasan hutan yang dipilih untuk dijadikan ladang hutan adalah terdiri daripada kawasan-kawasan tanaman pindah atau tanah terbiar dan kawasan-kawasan hutan miskin. Kerajaan memang sentiasa menggalakkan sektor swasta menceburi program penanaman hutan dengan bantuan nasihat teknikal oleh agensi-agensi kerajaan seperti FRIM. Kerajaan juga memperkenalkan dua bentuk insentif seperti berikut:

- (i) memberi taraf perintis sehingga 10 tahun kepada pemaju-pemaju yang mana 100% hasil pendapatan yang diperolehi dikecualikan cukai dalam tempoh tersebut; atau
- (ii) memberi pelepasan cukai pelaburan 100% ke atas perbelanjaan yang layak yang ditanggung oleh pemaju dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh projek diluluskan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, antara jenis-jenis kayu yang disebut-sebut pada zaman ini ialah jati, sentang dan polinomium. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sudahkah ataupun adakah kajian secara menyeluruh telah dijalankan oleh pihak agensi-agensi tertentu untuk memastikan bahawa jenis-jenis pokok ini benar-benar membawa pulangan dan keuntungan. Dan seterusnya, adakah maklumat-maklumat tentang pulangan bagi kayu-kayu jenis-jenis pokok ini didapati oleh pihak umum?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kajian masih dijalankan ke atas tanaman pokok sentang dan jati. Penyelidikan dan pembangunan ini dikendalikan oleh FRIM.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, saya pernah ditanya oleh petani yang berminat menanam jenis kayu seperti sentang dan

kayu jati yang dikatakan berpotensi untuk dipasarkan ke luar negara. Akan tetapi mereka ini menghadapi kesulitan untuk mendapat 'planting material', dengan izin, untuk menanam pokok kayu ini. Adakah kerajaan menerusi FRIM ataupun Jabatan Hutan boleh membekalkan 'planting material' yang seperti ini?.....

Tuan Yang di-Pertua: Benih, Yang Berhormat!

Tuan Jacob Dungau Sagan: Jika boleh, apakah tindakan yang mereka perlu buat?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini FRIM tidak membekalkan jenis-jenis pokok seperti sentang dan jati serta seterusnya, tetapi FRIM boleh memberi maklumat dan nasihat di mana boleh dapat bekalan seperti pokok-pokok kayu yang dimaksudkan.

FELDA - KEMUDAHAN PRASARANA

16. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut] minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi memberitahu sama ada sedar atau tidak bahawa segala prasarana di FELDA belum memuaskan seperti jalan, bekalan air dan bekalan elektrik. Adakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil mengenai perkara-perkara tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memastikan setiap kawasan pembangunan rancangan FELDA disediakan dengan kemudahan prasarana yang mencukupi, seperti jalan, bekalan air dan elektrik. Sehingga akhir 1995, sepanjang 870 km iaitu 100% jalan masuk ke FELDA adalah jalan berturap. Manakala daripada sepanjang 3,135 km jalan-jalan kampung di dalam rancangan FELDA, sepanjang 2,617 km atau 78% sudah pun diturap. Kesemua 309 rancangan iaitu 100% daripadanya di seluruh negara dibekalkan dengan bekalan air bersih. Sebanyak 289 rancangan iaitu 93% dibekalkan dengan 24 jam bekalan tenaga elektrik, manakala 20 kawasan iaitu hanya 7% dibekalkan selama 12 jam tenaga elektrik.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagaimana kawasan penempatan lain, kemudahan prasarana ini adalah di bawah bidang kuasa pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Namun, pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sentiasa bekerjasama dan berhubung erat dengan kementerian dan jabatan berkaitan untuk urusan meningkatkan lagi taraf

kemudahan prasarana di rancangan-rancangan FELDA.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa terdapat di kalangan pengguna jalan raya yang di dalam kawasan FELDA telah menggunakan jalan tersebut sewenang-wenangnya dengan lori-lori yang bermuatan lebih? Soalannya, adakah cadangan pihak FELDA untuk membuat sekatan kepada had penggunaan jalan-jalan tersebut supaya jalan-jalan yang dibina akan lebih tahan lama dan akan dapat digunakan oleh pihak peneroka yang berkenaan tanpa disalahgunakan oleh pengusaha-pengusaha kenderaan pengangkutan dan sebagainya?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, amalan sekarang memang FELDA meletakkan had penggunaan kepada separuh jalan. Kadangkala apabila kita kenakan sekatan yang sedemikian, kita juga menerima aduan bahawasanya kita terlalu ketat mengawal jalan-jalan FELDA dan mengganggu lalu lintas oleh orang awam yang kadang-kadang berurusan dengan FELDA. Jadi, dalam hal ini kerajaan akan meneliti, melihat dan mengimbangi keperluan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dengan keperluan pengguna yang lain.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, ini bermakna bahawa masih terdapat 12% lagi jalan-jalan dalam kawasan FELDA yang masih belum diturap. Saya ingin bertanya sama ada pihak kementerian mengikut tempoh tertentu jalan-jalan ini akan diturap, dan kalau ada bilakah kesemuanya akan diturap?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau apa yang saya jawab tadi ialah ada 22% lagi yang belum diturap, bukan 12%, yang mana kebanyakan daripada jalan ini, hampir kesemuanya di Sabah belum diturap. Di Johor 71% sudah diturap, bakinya belum. Di Kelantan 67% diturap, bakinya belum. Di Johor, Kelantan dan Sabah ini jika tidak ada apa-apa aral melintang dalam tiga tahun ini kita harap semua jalan akan diturap.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI-TINDAKAN TERHADAP PEMAJU

17. Puan Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan

dikenakan terhadap pemaju-pemaju yang sengaja membengkalakan projek perumahan mereka khususnya projek yang melaksanakan tapak yang nilainya semakin melambung naik. Sejak tahun 1990, berapakah pemaju telah dikenakan tindakan sedemikian. Apakah kuasa yang diberikan kepada bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan dalam usaha menangani masalah tersebut.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kajian oleh kementerian ini mendapati pemaju-pemaju bukanlah sengaja membengkalakan projek perumahan, tetapi kerana masalah-masalah lain, termasuk masalah kewangan. Kalau didapati ada, mereka tidak akan diberi lesen pemaju perumahan untuk projek perumahan yang baru. Sejak tahun 1990 khususnya tidak ada pemaju yang telah sengaja membengkalakan projek perumahan.

Bagi menangani kemungkinan terjadi masalah tersebut, Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan di bawah kementerian ini diberi kuasa untuk mengawasi kemajuan projek-projek perumahan. Langkah-langkah yang diambil oleh Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan di bawah Akta Pemaju Perumahan 1966 untuk menangani masalah projek perumahan terbengkalai adalah seperti berikut:

- (i) di bawah seksyen 7F, Akta Pemaju Perumahan 1966 mengawasi kemajuan fizikal projek perumahan. Pemaju-pemaju adalah diwajibkan untuk menghantar kepada pegawai pengawal perumahan laporan kemajuan projek setiap enam bulan sekali;
- (ii) di bawah seksyen 7A, Akta Pemaju Perumahan 1966, semua pemaju perumahan diwajibkan membuka akaun pemaju perumahan yang berkuatkuasa sejak 26hb. Ogos, 1991; dan
- (iii) di bawah seksyen 7E, Akta Pemaju Perumahan 1966, mengawal penyata kewangan beraudit. Sekiranya kedudukan kewangan didapati tidak kukuh, perbincangan akan diadakan dengan pemaju bagi menentukan langkah-langkah yang patut diambil;

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jumlah syarikat-syarikat pemaju perumahan yang disiasat oleh pihak kementerian, kerana di Melaka bukan sahaja ada pemaju yang membengkalakan projek perumahan, tetapi untuk

projek perumahan kos rendah mereka berbuat demikian. Sungguhpun saya telah membuat aduan dalam perkara ini, tetapi nampaknya tidak ada tindakan yang diambil. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan siasatan yang dijalankan, berapakah siasatan yang dijalankan oleh pihak kementerian dan tindakan susulan ke atas ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek perumahan yang terbengkalai berkurangan sejak tahun 1989. Pada 30hb. Jun, 1989 ada sejumlah 285 projek terbengkalai dengan nilai projek RM4,047,300,000. Pada 30hb. Jun, 1996 hanya ada 55 projek yang masih terbengkalai dengan nilai kos projek RM495,520,000.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk mendakwa pemaju yang sengaja membengkalakan projek perumahan. Bagaimanapun pembeli boleh mengambil tindakan civil sekiranya ternyata bahawa pemaju telah gagal untuk memenuhi syarat-syarat dalam perjanjian jual-beli. Peranan kementerian adalah untuk membantu pembeli-pembeli untuk memulihkan projek yang telah terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 11 dan 18 hingga 36 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" [*Hari Keenam Belas*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.51 [Jadual] -**Maksud P.51 [Anggaran Pembangunan, 1997] -**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.51 dan Kepala Pembangunan P.51 dibuka semula untuk dibahas. Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat bekerjasama supaya kita boleh siapkan dua kementerian pada hari ini supaya kita tidak payah sambung lagi mesyuarat pada malam ini. Saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka menyambung ucapan. Yang Berhormat ada 7 minit lagi.

3.36 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendesak Malaysia menghormati hak asasi manusia serta menandatangani lima perjanjian hak asasi manusia seperti yang digubal oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Mengikut tinjauan saya, lima instrumen hak asasi manusia yang masih belum diterima oleh Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) International Covenant on Economic Social Culture Rights 1966 yang diterima oleh 137 negara lain;
- (ii) International Covenant on Civil and Political Rights 1966 yang diterima oleh 136 negara lain;
- (iii) International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination 1969 yang diterima oleh 151 negara lain;
- (iv) Convention Against Torture and Other Cruel Inhuman or Degrading Treatment or Punishment 1984 yang diterima oleh 106 negara lain; dan
- (v) Convention Relating to the Status of the Refugees 1954 yang diterima oleh 124 negara lain.

Keengganan negara Malaysia mengiktiraf instrumen hak asasi manusia ini memberikan gambaran bahawa hak asasi manusia tidak wujud di Malaysia. Malah sering berlakunya pencabulan-pencabulan yang tidak berdemokratik dan berperikemanusiaan. Kalau sebahagian besar dunia sebanyak 154 negara lain boleh menerima International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discriminations 1969, mengapa Malaysia tidak boleh? Adakah ini merupakan perakuan bahawa masih wujudnya diskriminasi kaum dalam negara kita atau pun keengganan mengakui Convention Against Torture and Other Cruel Inhuman or Degrading Treatment or Punishment 1984?

Boleh dianggap kerajaan menggunakan alat siksa ke atas orang tahanan yang sungguh mengejutkan sekali. Dan juga bahawa Malaysia tidak menghormati langsung hak-hak ekonomi, sosial, budaya, politik dan masyarakat madani.

Saya harap kerajaan boleh menjelaskan sebab mengapa Malaysia takut sangat mengiktiraf perjanjian hak asasi manusia selepas 30 tahun ini. Kita hanya boleh menjadi masyarakat madani kalau kita mengikut norma-norma atau nilai antarabangsa yang mengikut lunas demokrasi dan hak asasi manusia. Malaysia tidak berhak mendakwa tentang keadilan kepada negara-negara Barat kalau takut mengiktiraf lima instrumen hak asasi manusia antarabangsa di atas.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyuarakan pendirian DAP menentang dengan sekeras-kerasnya pencerobohan Timor-Timur di Indonesia dan kekejaman regim dictator SLORC di Myanmar. Adalah dikesali pendirian Malaysia menyokong Indonesia dan Myanmar. Bagi Myanmar, saya ingin mendesak Malaysia menarik balik sokongan ke atas penyertaannya sebagai ahli ASEAN sehingga ia memenuhi prasyarat menghormati demokrasi. Tindakan SLORC menahan aktivis hak asasi manusia, membunuh ahli pembangkang dan diplomat, menjalankan pembersihan etnik penduduk muslim Rohingya serta juga keengganan menghormati keputusan pilihan raya besar 1990 yang dimenangi oleh pemenang hadiah novel Aung San Suu Kyi, mesti dikedam dengan sekeras sekali.

Saya tidak tahu macam mana negara Malaysia boleh bersubahat dengan sebuah negara seperti Myanmar yang dianggap sebagai 'pariah' antarabangsa oleh seluruh dunia. Malaysia harus menghormati nilai demokrasi dan hak asasi dengan menuntut negara Myanmar membenarkan Aung San Suu Kyi mengambil kuasa dan memberhentikan kezaliman ke atas rakyatnya.

Malaysia harus juga mengambil pendirian serupa mengenai pencerobohan Indonesia ke Timor-Timur. Satu penyelesaian yang aman di antara rakyat Timor-Timur dan Malaysia mestilah dicari terutama sekali mengikut resolusi Bangsa-bangsa Bersatu bahawa satu pungutan suara diadakan oleh rakyat Timor-Timur untuk menentukan sama ada mereka mahu kemerdekaan atau terus menjadi sebahagian Indonesia.

Saya juga ingin mengecam tindakan Pemuda UMNO, MCA dan MIC menggunakan kekerasan, menyerbu dan memecahkan pintu hotel supaya perjumpaan Asia-Pacific Conference of East Timor

APCET II tidak boleh dijalankan, malah Parti Wanita Gerakan telah mengecam tindakan ahli-ahli dan pemimpin Pemuda UMNO, MCA dan MIC sebagai biadap dan melanggar undang-undang. Parti Gerakan Wanita juga menganggap tindakan Ketua Pemuda UMNO baru yang mengarahkan penggunaan kekerasan sebagai mencerminkan kepimpinan yang belum cukup matang dan tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, tidak boleh dinafikan peristiwa ini telah mencemarkan imej negara kita. Saya harap dalam usaha menunjukkan sokongan dan keakraban ataupun persahabatan dengan Indonesia, kita jangan menggadaikan maruah negara. Oleh itu, adalah perlu kerajaan mengambil tindakan keras terhadap para demonstrasi yang mencero bohi perjumpaan APCET II. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian.

3.42 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, Butiran 010300 - Undang-undang Antarabangsa dan Triti, 020000 - Hubungan Dua Hala.

Saya melihat bahawa Kerajaan Israel di bawah Netanyahu tidak pernah menghormati perjanjian bahkan semakin hari menunjukkan sikap keganasan yang semakin ketara. Perasaan umat Islam dan penduduk Arab Kristian tidak diambil hirau oleh Perdana Menteri dan kerajaan baru tersebut. Baru-baru ini digali terus terowong di bawah Masjid Al-Aqsa dan menimbulkan kemarahan orang Islam yang amat sangat kerana kita baru sahaja lepas bulan Rejab di mana bulan Rejab, bulan Israk Mi'raj, Masjid Al-Aqsa ialah tempat persinggahan Nabi suci Muhammad s.a.w. untuk Mi'raj dalam perjalanan dan sekarang digali terowong dan dibuat pelbagai perkara di situ yang menimbulkan kemarahan orang Islam di sana dan juga kemarahan orang Islam di seluruh dunia.

Baru-baru ini pula, ditutup Masjid Hebron, Masjid Ibrahim di mana masjid ini dahulu berlakunya pembunuhan beramai-ramai ketika umat Islam sedang bersembahyang Subuh dalam bulan Ramadhan dan kezaliman Yahudi Israel ini semakin hari semakin ketara, perjanjian yang dibuat oleh kerajaan dahulu, tidak dihormati, bahkan semakin hari semakin mengganas sikapnya dan semakin dimarahi oleh penduduk Arab di situ.

Begitu juga, baru-baru ini universiti Islam di Hebron juga ditutup kerana di universiti itu dianggap

tempat berlaku intifadhah, tiupan intifadhah kebangkitan yang berlaku di Palestin sekarang.

Oleh itu, Malaysia mestilah mengambil pendirian yang tegas dengan Israel ini, tak usahlah ada hubungan dagangan, ada hubungan diplomatik langsung sebab kita tahu, Yahudi Israel ini bangsa yang tidak pernah menghormati perjanjian. Perdana Menteri baru-baru ini menyebut bahawa kalau boleh jangan perang dengan Yahudi. Siapa pun tak mahu perang di atas muka bumi ini. Tetapi, kita tahu bahawa perang itu, kadang-kadang wajib ke atas kamu. Tanyalah siapa pun - tak mahu perang. Tetapi, perang itu yang wajib untuk membela maruah terutama sekali maruah agama yang tercemar hasil perbuatan Yahudi yang dikutuk oleh Allah S.W.T., yang mana kita lihat mereka ini bangsa yang tidak pernah menghormati perjanjian.

Oleh itu, Kerajaan Malaysia yang telah ada sedikit hubungan dagang dengan mengimport barang-barang tertentu, yang kita dapat maklumat daripada pihak Jabatan Kastam, kalau boleh hentikanlah perhubungan dagang dengan Israel ini, kita tahu bahawa mereka ini tidak pernah menghormati perjanjian dengan sesiapa pun - sejarah daripada zaman para nabi sehinggalah sekarang ini.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh seperti yang disentuh oleh Kota Melaka, iaitu soal Myanmar. Kita tahu bahawa Kerajaan Burma - Myanmar ini memang menzalimi rakyat, tidak patuh kepada demokrasi, tidak patuh kepada keputusan pilihan raya dan umat Islam yang dihalau daripada Myanmar masih lagi berjumlah ratusan ribu sama ada mereka berada di Malaysia atau berada di Bangladesh atau berada di negeri-negeri sempadan, di negeri Thailand dan sebagainya. Mestilah kalau hendak dimasukkan ke dalam ASEAN, Kerajaan Malaysia dan kerajaan ASEAN yang lain hendaklah memberi tekanan kepada Myanmar supaya memulihkan demokrasi dan juga membolehkan semua rakyat yang dihalau keluar daripada negeri itu dibolehkan balik ke negeri mereka dan hidup secara aman di negeri mereka. Terutama sekali umat Islam Myanmar yang berselerak di seluruh negara Asia Tenggara yang kita juga tidak terkecuali menerima kedatangan orang-orang Myanmar yang dipaksa menghalau mereka datang kadangkalanya bukan sebagai hendak mencari kerja di sini seperti pendatang haram yang lain. Tetapi, mereka dipaksa dikeluarkan daripada negeri mereka, dihalau dari kampung halaman mereka, rumah-rumah mereka dibakar oleh junta tentera dan kerajaan seperti ini perlulah diberi tekanan sehebat-hebatnya, supaya mereka hormat demokrasi sebelum mereka dibawa

masuk ke dalam ASEAN. Tekanan ini perlu dimainkan oleh Malaysia, sebab Malaysia di antara negara yang utama memainkan peranan untuk membawa Myanmar masuk ke dalam ASEAN dan Malaysia akan menjadi namanya harum, kalau dia berjaya memujuk atau menekan Myanmar supaya menghormati hak asasi manusia terutama sekali hak-hak orang Islam yang tinggal di sana sudah pun ratusan tahun rakyat di sana yang dipaksa dan dihalau keluar daripada Myanmar.

Seterusnya, peranan OIC. Saya bersetuju dengan Menteri Luar Negeri yang merasa kesal terhadap OIC yang menggantung, yang tidak membenarkan wakil Afghanistan hadir dalam sidang OIC yang diadakan di Jakarta. Yang kita bimbang di sini ialah ketidakhadiran wakil Afghanistan itu mungkin tekanan daripada negara-negara tertentu khususnya Pakistan dan Arab Saudi yang memainkan peranan menyokong Taliban yang juga di belakangnya ialah Amerika yang dengan tidak ada wakil di Mesyuarat OIC ini bermakna barangkali ada satu usaha untuk menggantikah kuasa baru daripada golongan Taliban, golongan yang berpusat di Peshawar, Pakistan yang menggerakkan tentera mereka yang dibantu oleh CIA dan Amerika dan juga bekalan wang daripada negara

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah Yang Berhormat faham bahawa puak Taliban itu adalah golongan yang berpegang kepada Ahlil Sunnah Wal Jamaah? Manakala pihak yang satu lagi adalah pihak yang memegang Syiah. Jadi, adakah Yang Berhormat faham ataupun adakah Yang Berhormat bila marah kepada Taliban ini, seolah-olah menyokong kepada pihak sana. Adakah itu menjadi pegangan PAS selama ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, soalan itu nampak orang yang bertanya itu faham atau tidak? *[Ketawa]* Taliban ini ia satu kumpulan pelajar yang diasaskan di Pakistan - Mazhab Sunnah Wal Jamaah. Di sebelah lagi pun bukan juga Syiah, Dr. Burhanuddin Rabbani, seorang Sunni, Hekmatyar seorang Sunni, Rashid Dostum juga seorang Sunni. Jadi, perbezaan di sana bukan perbezaan mazhab!

Saya juga tidak katakan saya menyokong puak Burhanuddin Rabbani. Yang pentingnya di sana itu bukan kita menidakkan satu pihak ataupun menerima satu pihak yang lain, supaya kita mencari jalan penyelesaian. Kalau boleh golongan Taliban

ini dicari jalan supaya bersatu dengan pihak Hekmatyar dan pihak Burhanuddin Rabbani dan lain-lain puak lagi, puak Ahmad Shah Mas'oud dan puak Rashid Dostum mencari jalan supaya mereka menyelesaikan masalah negara mereka tanpa terlibat CIA dan sebagainya. Yang kita lihat ke arah macam hendak pecah Afghanistan Utara dan juga Selatan.

Jadi, pendirian PAS tidak ada kena-mengena dengan mazhab dan bagi PAS kita mahu supaya ianya diselesaikan, dibentuk di meja rundingan dan pendirian yang dibuat oleh Menteri Luar Negeri, saya sokong, sebab beliau mengatakan bahawa

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Penjelasan sekali lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat? Masa Yang Berhormat sudah tidak ada lagi ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa tidak ada. Saya kalau fasal hal luar ini saya boleh beri masa!

Tuan Pengerusi: Cakap di luarlah ya! *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, cakap di luar! *[Ketawa]* Sebab, saya sendiri memang berminat kepada perkara ini! Jadi, Menteri Luar Negeri sendiri memang telah menjangka perkara ini dan kita tidak mahu OIC ada satu 'big boss'. Kalau PBB ada 'big boss' iaitu Amerika, OIC pula ada 'big boss', yang ini yang Menteri Luar Negeri, saya rasa dalam fikirannya ada pemikiran seperti itu. Tidak ada 'big boss' dalam OIC, tidak ada 'big boss' dalam PBB. Yang penting OIC itu 45 buah negara, mereka sama hak dan sama memberi pandangan. Bukan ada 'big boss' orang yang boleh memberi finance yang banyak dan akhirnya pandangannya itu diterima oleh negara-negara yang lain.

Begitu juga PBB, kita tidak mahu Amerika jadi 'big boss', begitu juga dalam OIC, kita tidak mahu mana-mana negara menjadi 'big boss'.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sudah habis, cukuplah! Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Sila, Ledang.

3.50 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020100 - Hubungan Dua Hala, Politik dan

Ekonomi. Kita sedang mewujudkan hubungan dua hala yang dinamik dan positif. Kerancangan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara luar dan kekerapan lawatan ketua-ketua negara atau ketua-ketua kerajaan negara-negara asing ke Malaysia adalah satu manifestasi yang amat jelas ke arah matlamat tersebut.

Kita juga mengendalikankan hubungan dua hala dengan negara-negara jiran terutama sekali Singapura, Thailand dan Indonesia dengan baik dan bijaksana. Sebagai contoh, demi untuk menjaga hubungan baik kita dengan Indonesia, pihak kerajaan telah tidak mengizinkan perjumpaan APCET II kerana kita tidak mahu dilihat sebagai merestui usaha-usaha oleh mana-mana pihak mencampuri urusan dalam negeri lain-lain negara, terutama negara-negara jiran yang perlu kita hormati. Demikian juga masalah pencerobohan ruang udara Malaysia oleh kapal terbang tentera udara Singapura juga telah diatasi dengan bijaksana dan tidak menjadi isu yang berpanjangan.

Demikian juga dengan isu kemasukan semula Singapura ke Malaysia dan isu meritokrasi telah tidak menjadikan kita hilang pertimbangan, kehilangan sikap rasional, oleh kerana itu isu-isu yang berbangkit dari masa kesemasa tidak mengakibatkan keretakan dan kerenggangan hubungan dua hala di antara negara kita dengan negara-negara jiran, kerana kita saling perlu memerlukan dan saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain, sama ada dari segi ekonomi, keselamatan dan politik.

Dari segi ekonomi misalannya, pada tahun 1993 sahaja, eksport Malaysia ke Singapura adalah 21% daripada keseluruhan kadar eksport negara. Pelancong-pelancong Singapura adalah golongan pelancong yang terbesar berkunjung ke Malaysia. Oleh itu adalah penting hubungan dua hala ini sentiasa dipelihara dan setiap pihak perlu menjaga sensitiviti dan menjaga hati pihak yang lain kerana kita sudah tentu tidak mampu untuk bersengketa sesama sendiri yang boleh menggugat pertumbuhan ekonomi dan keharmonian serantau.

Kita juga amat mengharapkan agar negara-negara jiran tersebut juga sentiasa menghormati perasaan dan sensitiviti kerajaan dan rakyat negara kita. Walau bagaimanapun, yang melibatkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura dan Indonesia, masih belum dapat dibereskan dan sengaja dilupakan buat seketika iaitu ada beberapa isu yang masih belum dapat diselesaikan dengan baik, misalannya isu Pulau Batu Putih, satu isu yang

telah lama berbangkit di antara Malaysia dengan Singapura, tetapi sehingga sekarang ini, masih belum dapat dicari jalan penyelesaian. Saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah kedudukan isu Pulau Batu Putih setakat ini dan apakah satu formula sedang difikirkan oleh kerajaan untuk menyelesaikan isu ini dengan sebaik-baiknya tanpa menjejaskan hubungan dua negara.

Demikian juga dengan isu Pulau Sipadan yang berbangkit di antara Malaysia dengan Indonesia. Saya ingin mendapat penjelasan iaitu adakah kedua-dua pihak berhadapan dengan kebuntuan tentang isu ini sehingga memaksa kes tersebut dibawa ke Mahkamah Antarabangsa. Saya juga ingin penjelasan, jika kes ini diputuskan oleh Mahkamah Antarabangsa, apakah peluang kita untuk memenangi kes Pulau Sipadan ini.

Tuan Pengerusi, dalam konteks hubungan dua hala ini juga, saya ingin bertanya, adakah kerajaan ingin merapatkan lagi hubungan yang sedia ada dengan bekas negara-negara Soviet Union, seperti Rusia, Jerman Timur, Holland, Poland dan lain-lain kerana mungkin banyak peluang ekonomi dua hala yang boleh kita terokai di negara-negara tersebut, ataupun misalnya, mengundang Presiden Russia-Boris Yeltsin melawat ke Malaysia sebagai satu contoh dan bukti keterbukaan dasar luar negara kita.

Tuan Pengerusi, Butiran kedua ialah 020300 - Penerangan Luar Negeri. Saya tidak tahu sama ada betapa berkesannya jentera penerangan kita di luar negeri, kerana kadang-kadang ada juga pelancong-pelancong yang tidak mendapat gambaran yang jelas tentang Malaysia sebenarnya. Ada pelancongan misalannya dari Belgium, saya pernah berjumpa dengan pelancong Belgium, dia mengatakan bahawa Malaysia ini, Johor khususnya, adalah sebahagian dari Singapura kerana setakat menyeberangi Tambak Johor sahaja mereka telah dapat pergi ke sebuah negara yang lain, maka mereka salah tafsir dan mengatakan Johor itu adalah sebahagian dari Singapura.

Saya rasa juga penerangan luar negeri ini harus juga dijuruskan kepada pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negara, kerana kita lihat ramai pelajar yang tidak mendapat gambaran sebenarnya tentang negara kita, tentang perkembangan ekonominya, tentang dasar luarnya, tentang lain-lain perkara yang harus mereka ketahui dan mereka seolah-olah putus hubungan dengan negara mereka sendiri. Dengan kerana itulah jentera penerangan luar negara kita perlu dijuruskan juga kepada pelajar-pelajar kita di

luar negara supaya mereka mendapat gambaran yang sebenarnya tentang kedudukan negara mereka.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Tanjong.

3.57 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkembangan-perkembangan terbaru di Burma di mana 24 orang anggota parti Aung San Suu Kyi - National League for Democracy masih dalam tahanan selepas protes oleh pelajar-pelajar anti-kerajaan patut dipandang dengan serius oleh anggota ASEAN.

Semacam dikatakan Kyi Maung, Naib Pengerusi National League for Democracy, dengan izin, dia kata "*if the students were sure the government wouldn't fire on them, there would be thousands coming into the streets*". Satu petunjuk betapa kekurangan sokongan, kewibawaan dan legitimacy State Law and Order Restoration Council yang memerintah di Myanmar sekarang. Pelajar-pelajar di Burma ada membuat protes minggu ini oleh kerana ada pelajar-pelajar yang dipukul oleh pihak polis di Myanmar selepas satu perbalahan dengan seorang tuan punya restoran dan askar-askar digunakan untuk menutup sekolah-sekolah dan universiti-universiti selama 4 hari dan tidak membenarkan pelajar-pelajar untuk berkumpul.

Dalam masa ini, Aung San Suu Kyi pun ada dua kali diletak di dalam house arrest. Keputusan Mesyuarat Kemuncak ASEAN Informal yang diadakan di Jakarta di awal bulan ini, bahawa Myanmar akan diterima masuk dalam anggota sama masa dengan Kambodia dan Laos, sungguhpun tidak ada satu time frame diumumkan atau dialu-alukan oleh SLORC selepas mesyuarat di Jakarta bahawa ia adalah satu petunjuk bahawa ASEAN akan menerima Myanmar tahun hadapan, oleh kerana Kambodia dan Laos adalah dijangka akan diterima masuk dalam ASEAN semasa kemuncak ulang tahun ke-30 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada tahun depan.

Nampaknya, Kemuncak ASEAN Informal ini ada menghantarkan wrong signal kepada SLORC bahawa ia tidak perlu untuk memulakan, mengadakan apa-apa program dan rancangan demokratisasi dan 'national reconciliation' dan boleh mengadakan apa-apa langkah yang tidak demokratik terhadap aktivis-aktivis pro-demokrasi. Pemimpin-pemimpin ASEAN patutlah menyampaikan 'concern' mereka kepada SLORC mengenai

perkembangan-perkembangan yang terbaru di Burma oleh kerana apa yang berlaku di Burma akan memberi satu gambaran yang tidak baik kepada keputusan Mesyuarat Kemuncak Asean Informal untuk menerima masuk Myanmar sama masa dengan Kambodia dan Laos itu.

Setiausaha Agung ASEAN Datuk Ajit Singh patutlah melawat Myanmar untuk mendapat dan memberikan satu laporan kepada kerajaan-kerajaan dan Parlimen ASEAN mengenai perkembangan-perkembangan terbaru di Burma. Dalam hubungan ini, pemimpin-pemimpin ASEAN patutlah ambil perhatian yang serius mengenai satu rencana, satu editorial dalam *Bangkok Nation* ialah satu akhbar Thai di minggu lalu di bawah tajuk "*ASEAN's Good Intention Gone Astray*" di mana ia berkata "it is unfortunate aa ASEAN now is perceived as a grouping dictated by authoritarian regimes in Southeast Asia."

Dan editorial itu terus berbunyi, dengan izin, "But ASEAN will have to pay a price for the inclusion of Burma. The Slorc-ruled Burma will undoubtedly be an embarrassment for the regional grouping with the ongoing human rights abuses there and the current pariah status the junta has within the international community"

"Sad to say, the direction Asean is now heading seems to be led by unregulated force. Goons with guns rule rather than the rule of law and respect for democracy."

DAP mencadangkan supaya satu misi Parlimen Malaysia dihantarkan ke Burma untuk membuat laporan mengenai perkembangan-perkembangan politik yang terbaru dan untuk membuat perakuan-perakuan mengenai soalan permohonan Myanmar untuk memasuki ASEAN di tahun depan. Sebenarnya, sebelum apa-apa keputusan dibuat oleh pihak kerajaan Malaysia mengenai isu ini, mengenai menerima masuk Myanmar dalam ASEAN. Satu perbahasan khas patut diadakan dalam Parlimen dan saya harap bahawa kerajaan boleh memberi jaminan bahawa satu perbahasan khas diadakan dalam Parlimen supaya pandangan-pandangan dan 'public opinion' di Malaysia boleh ditunjukkan.

Baru-baru ini, dua, tiga hari dahulu bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Pengerusi Human Rights Commission, Tan Sri Musa Hitam, beliau berpendapat bahawa Malaysia patut lebih kuat, tegas dalam isu Myanmar. Sungguhpun dia berpendapat tidak patut kita ikut contoh Barat. Tentu kita tidak mahu mencontohi atau teladan cara Barat, ASEAN atau constructive policy tetapi construc-

tive policy tidak boleh dianggap sebagai white-wash semua, segala pencerobohan hak-hak asasi di Burma.

Kita tidak boleh kata, oleh kerana ada "constructive engagement policy, human rights violation" di Burma tidak timbul. Apabila ada berlaku human rights violation sama ada constructive engagement policy atau tidak, ia terus menjadi human rights violation dan negara Malaysia patut mengambil tindakan yang tegas.

Tuan Pengerusi, satu tahun dahulu selepas satu perbincangan yang sangat tidak adil dan dengan defiance international opinion, kerajaan Nigeria ialah kerajaan General Sani Abacha telah menggantung Ken Saro-Wiwa dan lapan orang pemimpin-pemimpin Ogoni yang lain, Nigeria ada digantung daripada Komanwel dan diberi notis bahawa kalau ia mahu balik kepada mainstream of international community ia perlu untuk memperbaiki, ada perubahan hak-hak asasi. Satu tahun sudah lepas dan tidak ada apa-apa perubahan yang baik yang berlaku dalam Nigeria.

Sebenarnya Amnesty International baru-baru ini ada membuat laporan mengenai Nigeria tahun ini dan dengan izin, "One year on, little has changed in Nigeria. The authorities detain prisoners of conscience at will, even ignoring their own courts. Political prisoners face unfair trials form 'special tribunals' that can sentence them to death; they are denied access to lawyers, family and essential medical treatment."

"On 4 June this year Alhaja Kudirat Abiola, senior wife of Chief Moshood Abiola, was shot dead in a Lagos street. Many fear that her murderers were government agents - acting with or without the knowledge of their superiors. Despite public promises to do so, the government has failed to carry out a thorough and impartial investigation."

"Moshood Abiola himself remains in jail. Having won the presidential election of 1993 - annulled by General Abacha's military government when it seized power - he has been detain on political charges (including treason) since June 1994. And one year after the executions of Ken Saro-Wiwa and his eight colleagues from MOSOP, the Movement for the Survival of the Ogoni People, a further 19 Ogoni activists are still pre-trial detention on identical charges. Most of them have been detained since mid-1994; they were only charged in September 1995."

Tuan Pengerusi, UN Human Rights Committee pun ada membuat komen mengenai Nigeria pada

bulan Julai, 1996, ia berkata, "deeply concerned by the high number of extrajudicial and summary executions, dissappearances, cases of torture, ill-treatment and arbitrary arrest and detention by members of the security forces and by the failure of the government to investigate fully these cases, to prosecute alleged affences, to punish those found guilty and provide compensation to the victims or their families. The resulting state of impunity encourages furthur violations."

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya menyeru kerajaan Malaysia patutlah mengambil tindakan yang tegas dalam perkara ini bahawa mahu Nigeria mengadakan perubahan hak-hak asasi dan untuk menuntut Nigeria di'expel' dari Komanwel macam yang dialami oleh South Africa kalau military Junta di Nigeria tidak rela untuk memberhentikan segala pencerobohan hak-hak asasi di Nigeria. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tumpat.

4.07 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Memang tidak dinafikan bahawa negara kita sekarang ini telah bebas dari ancaman dalam negeri, khususnya daripada anasir-anasir subversif komunis. Runtuhnya blok komunis Soviet dan langkah negara-negara komunis menerima konsep pasaran bebas telah membuka lembaran baru keamanan dunia.

Kita masih menaruh harapan, keyakinan terhadap Konsep Zopfan, zon aman, bebas dan berkecuali yang dipelopori pegawai-pegawai anggota ASEAN. Konsep Zopfan memberi jaminan bahawa rantau ini akan terus bebas daripada pengaruh kuasa-kuasa besar dunia.

Bagaimanapun, keamanan yang dicapai, yang dikecapi kini tidak wajar melalaikan kita terhadap ancaman luar yang boleh berlaku pada bila-bila masa. Apa lagi sempadan negara yang terbuka luas, memudahkan anasir-anasir yang tidak diingini menyeludup masuk. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kenyataan Timbalan Perdana Menteri bahawa terdapat lebih sejuta orang pendatang tanpa izin di negara ini. Angka sebesar itu tidak boleh dipandang ringan oleh pihak berwajib kerana kebanjiran pendatang tanpa izin bukan sahaja

mendatangkan kesan negatif dalam bidang sosial dan ekonomi. Malah ia turut membabitkan aspek keselamatan negara.

Ada dua implikasi penting yang timbul daripada banjir lebih sejuta pendatang tanpa izin ini. Pertama, ia menunjukkan betapa lemahnya mekanisme kawalan sempadan negara. Kedua, negara mungkin berhadapan dengan bahaya besar penyeludupan anasir subversif terlatih yang boleh mengganggu-gugat keamanan negara. Jika kerajaan gagal mengawal kemasukan secara haram sejuta orang warga asing kurang mahir dan separuh mahir ke negara ini, tidak mustahil bagi mereka yang terlatih dengan selok-belok ketenteraan untuk mencerooboh masuk dan menjalankan kerja-kerja mensabotaj kepentingan negara.

Kita akui bahawa sempadan negara yang luas dan keadaan geografi semenanjung yang dikelilingi laut, menyukarkan kerja-kerja pengawalan sempadan. Bagaimanapun, kita tidak mempunyai pilihan selain melipat-gandakan usaha untuk menjamin perairan, daratan dan ruang udara negara tidak dicerobohi anasir-anasir asing secara mudah.

Tuan Pengerusi, sehubungan itu, saya mencadangkan agar kawalan sempadan negara diperketatkan dengan mengemaskinikan mekanisme kawalan dan menguatkuasakannya. Jika jumlah anggota tentera, polis hutan dan polis marin tidak mencukupi bagi mewujudkan mekanisme kawalan sempadan yang efisien, tenaga sukarela seperti askar wataniah perlu dikerah untuk membantu kerja-kerja pengawasan.

Baru-baru ini kita digemparkan dengan dakwaan pencerobohan pesawat-pesawat tentera daripada negara jiran Singapura.

Penduduk-penduduk di Kampung Pendas Laut dan beberapa kampung berhampiran dengan Gelang Patah dilaporkan sering diganggu bunyi bising jet-jet pejuang Tentera Udara Republik Singapura. Jet-jet pejuang negara jiran itu didakwa terbang rendah di ruang udara Johor.

Bagaimanapun Menteri Pertahanan dalam jawapan kepada soalan Yang Berhormat dari Kubang Kerian pada sidang Dewan Rakyat Julai lalu memaklumkan secara teknikal jet-jet pejuang Singapura itu tidak mencerooboh ruang udara Malaysia. Ini kerana penerbangan seumpama itu dibenarkan mengikut perjanjian pertahanan di antara kedua-dua negara. Difahamkan di dalam perjanjian Malaysia dengan Singapura terdapat beberapa tahap yang dibenarkan pesawat Singapura untuk terbang di ruang angkasa Malaysia.

Mengikut perjanjian yang termeterai, pesawat Singapura dibenarkan terbang di antara 250 kaki hingga 2000 kaki di dalam kawasan terbang rendah dan di antara 1000 kaki sehingga 3000 kaki apabila melalui Laut China Selatan. Apa yang lebih mengejutkan, dalam Perjanjian Peraturan Pertahanan Lima Negara iaitu United Kingdom, Australia, New Zealand, Malaysia dan Singapura telah membenarkan jet pejuang Singapura terbang pada sebarang tahap, sekali pun dari Rompin, Pahang sehingga ke Batu Berendam, Melaka.

Persoalannya, jika jet pejuang Singapura dibenarkan terbang pada sebarang tahap sekalipun di ruang udara Malaysia, adakah pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia juga dibenarkan terbang pada sebarang tahap di ruang udara Singapura? Ini kerana terdapat desas-desus bahawa pesawat-pesawat tentera udara kita akan dihalau pulang oleh pesawat-pesawat Singapura sekali-pun terbang di ruang udara Mersing. Tindakan ini kononnya dilakukan atas berbagai alasan, antaranya ruang udara Singapura mengalami conjection atau pesawat negara kita tidak diberi kebenaran khas untuk melakukan misi penerbangan di kawasan sempadan.

Tuan Pengerusi, kebenaran yang diberikan kepada pesawat negara jiran untuk terbang di ruang udara Malaysia juga mengundang implikasi buruk, bagaimana jika peluang itu digunakan untuk kerja-kerja pengintipan? Sehubungan itu saya inginkan pengesahan kerajaan sama ada benar berlakunya pencerobohan beberapa pesawat pengintip Singapura terhadap posisi rendah pertahanan negara di Bukit Iban, bandar Mu'azam Shah, Pahang. Jika desas-desus ini benar, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan kejadian yang memalukan itu tidak berulang lagi?

Saya juga inginkan pengesahan sama ada benar ada tangkapan dibuat terhadap anggota tentera udara Singapura kerana didakwa mengintip dan mengambil gambar di kawasan larangan di sebuah pangkalan tentera udara kita ketika latihan bersama Tentera Udara Diraja Malaysia/Singapura dijalankan pada tempoh hari.

Saya juga difahamkan bahawa pencerobohan ruang udara negara semakin meluas dan semakin bermaharajalela sekarang. Ada juga pencerobohan yang dikesan dari arah utara, tetapi disyaki dilakukan oleh pesawat tentera udara dari selatan Semenanjung. Adakah mungkin ruang udara Laut China Selatan digunakan oleh pesawat-pesawat tentera negara asing sebagai medan menguji kekuatan, taktik dan strategi? Semuanya ini perlu

diberi perhatian oleh kerajaan supaya kemampuan pertahanan negara ini tidak dipersoalkan oleh rakyat dan dipertingkatkan oleh anasir-anasir luar.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya ingin sentuh adalah pembabitan Malaysia dalam pertikaian sempadan dengan negara-negara jiran, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebelum saya tadi. Antara yang popular adalah tuntutan Pulau Batu Putih oleh Singapura, tuntutan bertindih kepulauan Spratly dengan beberapa negara lain dan Pulau Sipadan dan Ligitan di perairan Sabah yang dituntut oleh Indonesia. Sememangnya pertikaian sempadan ini perlulah ditangani secara penuh diplomasi dan saya yakin dengan kemampuan pegawai-pegawai kita di Wisma Putra untuk menyelesaikannya.

Saya difahamkan bahawa pertikaian Pulau Batu Putih telah pun dibawa ke Mahkamah Antarabangsa di Belanda. Bagaimanapun, kita mahu kerajaan bertegas dalam isu ini kerana Pulau Batu Putih hanya terletak 7 batu nautika dari Johor Bahru berbanding 21 batu nautika dari Pulau Singapura. Sudah 4 tahun isu ini berlangsung dan kita harap keputusan Mahkamah Antarabangsa akan memihak kepada Malaysia.

Satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan adalah tindakan provokatif negara-negara jiran dalam isu pertikaian sempadan itu. Saya difahamkan dalam kes Pulau Sipadan dan Ligitan, sebanyak lebih 140 kes pencerobohan perairan laut dikesan sejak 1991 dan lebih 200 kes pencerobohan ruang udara dikesan pada tempoh yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, saya ingin habiskan dan gulung, Tuan Pengerusi. Ini bagi saya adalah tindakan provokatif yang tidak sepatutnya dilakukan oleh negara jiran. Atas semangat setiakawan ASEAN, saya berharap tindakan sewajarnya dapat diambil oleh kerajaan bagi memelihara kedaulatan negara daripada diperkotak-katikkan oleh mana-mana pihak.

Akhirnya, oleh kerana isu-isu sempadan negara ini boleh dianggap serius, saya mencadangkan supaya kelengkapan tentera negara dipertingkatkan dan dipermodenkan, terutamanya kelengkapan tentera udara dan laut.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nampaknya masa kita tidak

mengizinkan. Saya dapat benarkan seorang sahaja. Libaran.

4.18 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta membahaskan Maksud B.51, Butiran 030300 - Perhubungan Antarabangsa.

Soal East Asia Economic Caucus yang kurang diperkatakan sejak kebelakangan ini menimbulkan persoalan sama ada Malaysia telah kendur semangat memperjuangkan kewujudannya. Tentang dan ketidaksenangan negara-negara maju, khususnya Amerika Syarikat dan sikap tarik tali Jepun seolah-olah membuat Malaysia serik menimbulkan kembali isu ini.

Usaha harus dilipatgandakan untuk memastikan East Asia Economic Caucus benar-benar dapat direalisasikan dan negara-negara yang menentang, mahu pun ragu-ragu terhadap kewujudannya mendapat keyakinan bahawa East Asia Economic Caucus ini bukanlah ancaman, mahupun pesaing yang perlu ditakuti.

Tuan Pengerusi, berleluasanya aktiviti seperti perlanunan, penyeludupan senjata api dan dadah, penyeberangan sempadan negara secara haram, pemalsuan dokumen sulit seperti pasport dan kad pengenalan dan lain-lain lagi merupakan masalah bersama yang perlu diselesaikan melalui kerjasama erat dengan negara-negara jiran.

ASEAN perlu memberi tumpuan kepada bidang ini kerana ia mampu mengeruhkan hubungan sesama anggota sekiranya ia dibiarkan berterusan. Kemasukan pendatang asing tanpa izin yang menjadi masalah besar di negara kita akibat kewujudan masalah sosial yang mereka bawa bersama memberi kesan negatif kepada imej negara.

Tuan Pengerusi, kepincangan dalam PBB khususnya akibat dominasi negara-negara tertentu dan ketidakadilan setengah-setengah tindakan seperti dalam kes Bosnia dan sengketa Palestin - Israel perlu tindakan segera. Masalah dalaman PBB seperti masalah kewangan yang dipikul dan keberkesanan dalam menjalankan amanah yang perlu diperhatikan. Malaysia perlu terus lantang menyuarakan ketidakpuasan terhadap tindak-tanduk badan dunia ini yang bercanggah dengan peranan asal penubuhannya.

Tuan Pengerusi, karenah media massa yang sering memburukkan Malaysia memberi tanggapan negatif terhadap Malaysia. Media Australia khususnya yang telah beberapa kali menabur fitnah

yang bertujuan untuk menjatuhkan nama baik negara di mata dunia. Keadaan ini memerlukan langkah penyelesaian yang berkesan untuk memastikan negara-negara lain tidak memandang serong terhadap Malaysia kesan daripada putar belit media-media asing ini.

Justeru itu, kementerian perlu mempertingkatkan keberkesanan penerangan mengenai Malaysia dan pemindahan imej oleh pihak kedutaan Malaysia di luar negara bagi mengimbangi pengaruh fitnah yang sering dilemparkan oleh media asing.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejak kebelakangan ini jawatan duta-duta di luar negara atau di seberang laut begitu sedikit diberikan peluang kepada pemimpin politik yang berkemampuan dan saya juga ingin memohon penjelasan, apakah usaha-usaha kementerian untuk memberi peluang dan galakan di kalangan anak-anak tempatan Sabah untuk berkhidmat dalam perkhidmatan diplomatik yang terlalu kurang pada masa ini. Begitu juga dengan Sarawak kerana Timbalan Menterinya dari Sarawak.

Tuan Pengerusi, kerjasama kawasan pertubuhan tiga segi, Sabah dan BIMP-EAGA banyak manfaat khususnya dalam bidang ekonomi bagi kawasan-kawasan yang terbabit. Di samping itu, manfaat bukan ekonomi seperti peningkatan kemudahan infrastruktur, jalinan hubungan persahabatan yang lebih kukuh dan pelbagai lintas sempadan akan diperolehi. Dalam konteks BIMP-EAGA, penglibatan masyarakat tempatan khususnya dari Sabah perlu diberi galakan sewajarnya. Kawasan pertumbuhan sebegini tidak akan membawa makna mendalam sekiranya ia hanya menguntungkan kaum pendatang bukan daripada kawasan ini. Kerjasama EAGA juga diharapkan dapat membantu menyelesaikan masalah banjir pendatang tanpa izin Filipina ke Sabah yang kini memberi kesan negatif kepada kehidupan harian masyarakat tempatan akibat masalah sosial yang mereka bawa bersama.

Tuan Pengerusi, akhir sekali kemampuan dasar-dasar luar Malaysia menghadapi kemelut antarabangsa amat membanggakan. Ketegasan yang dipamerkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

Tuan Yunof Edward Maringking: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Pengerusi, sebelum sahabat saya berpindah kepada perkara yang lain, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Libaran, adakah beliau bersetuju dengan pandangan saya di dalam menangani masalah yang tertumpu kepada permasalahan tuntutan kepulauan di negeri Sabah supaya seorang daripada rakyat Sabah yang berpengalaman bukan sahaja sebagai ahli kabinet negeri Sabah yang paling ulung ataupun yang paling lama tetapi juga mempunyai pengalaman dari segi undang-undang dan juga berkhidmat sebagai diplomat iaitu Tan Sri Tumasha Suria supaya dilantik menganggotai jawatankuasa untuk menyelesaikan ataupun menghadapi tindakan perujukan undang-undang mengenai Ligitan dan Sipadan kepada International Court of Justice? Saya minta pandangan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Oleh kerana saya belum menjadi menteri lagi, jadi saya serahkanlah kepada kebijaksanaan Perdana Menteri kita dalam soal ini. [Ketawa]

Ketegasan yang dipamerkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam banyak hal khususnya yang menyangkut kepentingan negara dan juga negara-negara membangun tentunya mendapat sokongan padu masyarakat negara ini. Sesungguhnya hanya dasar berbaik-baik dan bekerjasama mampu melahirkan keharmonian dan saling menghormati dalam hubungan antara negara.

Keprihatinan terhadap pergolakan luar negara dan juga isu-isu antarabangsa juga perlu diimbangi dengan senario semasa dalam negara dengan mengambil kira kesan segala tindakan kepada masa depan negara agar kita tidak menjadi seperti pepatah "Kera di hutan disusukan, anak di pangkuan mati kelaparan" atau menjadi seperti negara yang berperanan sebagai polis dunia yang bersifat "Kuman di seberang laut nampak, gajah di hadapan mata tidak nampak". Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita minta Timbalan Menteri menjawab, kalau boleh dalam masa 25 minit ya.

4.26 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Pengerusi, saya cuba menjawab secepat mungkin dalam masa 25 minit tetapi sebelum itu, izinkan saya menyatakan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk memperuntukkan Maksud

Bekalan 51 untuk Kementerian Luar Negeri dan P.51 dalam Belanjawan untuk tahun 1997. Bagi pihak Kementerian Luar Negeri, saya mengucapkan terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan juga cadangan-cadangan yang kita boleh pertimbangkan dan juga mengambil kira, jikalau perlu dan yang munasabah.

Sebenarnya kebanyakan soalan-soalan dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dibangkitkan di masa kita membahaskan peringkat dasar. Walau bagaimanapun, saya cuba serba sedikit memberi penjelasan di sini mengenai satu, dua perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah menyatakan bahawa kita tidak menghormati hak asasi manusia di negara kita ini dan kerajaan tidak menerima hak asasi manusia dan ini saya ingin menafikan di sini bahawa tuduhan Yang Berhormat ini adalah tidak benar sama sekali kerana kita telah pun juga mengambil bahagian dalam Persidangan Hak Asasi Manusia di peringkat antarabangsa dan peringkat pelbagai hala dan di badan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kita pernah juga menjadi Pengerusi dalam Jawatankuasa Hak Asasi Manusia ini yang memberi gambaran bahawa negara-negara lain telah menerima akan kita bahawa kita ada juga mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan hak asasi manusia ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan kita tidak pernah menandatangani apa-apa pun, dia menyebut pelbagai angka dan beliau begitu impressive sekali tetapi beliau telah lupa bahawa negara kita telah juga pernah menandatangani dan juga meratifikasikan dua konvensyen antarabangsa mengenai hak asasi manusia iaitu konvensyen mengenai hak asasi kanak-kanak dan konvensyen untuk membasmiikan segala diskriminasi terhadap kaum wanita. Ini ialah satu perkara yang boleh dikatakan, cara beliau ini untuk mencari tempat secara tidak mengendalikannya fakta-fakta yang tepat untuk terus menuduh kerajaan kita tidak sekalipun mengambil kira hak asasi manusia dalam apa-apa jua dasar-dasar kita.

Jadi, walau bagaimanapun, saya juga pernah menjawab kepada beliau ini mengenai perkara yang telah ditimbulkan iaitu mengenai Timor Timur dan juga regim SLORC di Myanmar. Saya ingin nyatakan di sini sekali lagi bahawa kita memang terus bersama dengan negara-negara ASEAN

sentiasa mengambil berat bahawa pembangunan dan perkembangan dalam Myanmar dan pada mesyuarat yang tidak rasmi di Jakarta pada bulan lalu, kita telah pun sama-sama menerima bahawa Myanmar, negara Laos dan Kambodia akan sama-sama diterima ke dalam ASEAN dan ini walaupun kita belum memberikan 'time frame' untuk mereka masuk ke dalam ASEAN.

Saya ingin nyatakan di sini walaupun memang kita terpaksa menerima hakikat bahawa mereka ini akan terus berusaha untuk membaiki keadaan di negara mereka. Memang kita pernah mendengar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Tanjong bahawa NGO-NGO negara Barat ini memang tidak akan mengakui hakikat bahawa dasar hubungan membina kita atau constructive engagement ASEAN ini telah berjaya membuka Myanmar kepada masyarakat antarabangsa. Memang mereka tidak menerima sama sekali dan sejauh mana pun memang kita berusaha dan mereka tidak akan sekali kerana mereka mungkin ada agenda yang lain. Tetapi yang penting kepada kita ialah kita memang tidak ingin mengikut cara-cara yang telah dicadangkan untuk mengasingkan Myanmar ini sebagai negara yang tidak menghormati hak asasi dan demokrasi sedangkan negara-negara yang sama-sama menuduh mereka ini adalah juga tidak begitu bersih dalam rekod hak asasi mereka sendiri.

Namun demikian, negara kita dan negara ASEAN yang lain akan meneruskan hubungan dasar membina dengan Myanmar sebagai usaha mempengaruhi dan menyediakan negara tersebut dalam menjadi anggota ASEAN.

Mengenai perkara yang telah ditimbulkan.....

Tuan Yunof Edward Maringking: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tidak payah. Saya akan meneruskan, saya diberi 25 minit sahaja dan di masa yang lain boleh diberi.

Satu lagi perkara yang telah ditimbulk oleh Yang Berhormat dari.....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak mahu beri, masa tidak mengizinkan.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Biar saya habiskan.....

Tuan Lim Guan Eng: Ada tandatangankah lima instrument hak asasi?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya, saya sudah sebutkan. Jadi, biarkan saya teruskan, lagi banyak yang saya hendak jawabkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Yang saya nyatakan tadi ialah dua yang telah ditandatangani hak asasi manusia iaitu mengenai hak asasi kanak-kanak dan konvensyen untuk membasmi segala diskriminasi terhadap kaum wanita. Jadi, saya sebutkan Timor Timur ini, Ahli Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: 5 yang saya sebutkan, bukan yang lain, Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Saya tak beri. Saya katakan tadi, saya cuma menafikan beliau telah menuduh kita tidak pernah menandatangani apa-apa jua persetujuan atau konvensyen. Jadi, saya menafikan tidak payah lagilah kita sebutkan mengenai perkara ini.

Keduanya, izinkan saya nyatakan bahawa pendirian kita bersama-sama dengan negara ASEAN bahawa Malaysia berpendapat tindakan Indonesia mengenai Timor Timur ini adalah berdasarkan kepada hasrat rakyat Timor Timur sendiri. Jadi, proses-proses yang dilaksanakan oleh negara Indonesia itu adalah kita menyokong secara status Timor Timur ini sebagai satu wilayah Indonesia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah menimbulkan mengenai perjanjian Israel, iaitu Perjanjian Damai Israel-Palestin. Mengenai kerajaan Israel, kita tidak mengiktirafkan kerajaan Israel selagi kita tidak mendapat bahawa nampaknya usaha untuk menyelesaikan kedamaian perjanjian Israel-Palestin ini diteruskan. Jadi, begitu juga kita tidak ada hubungan diplomasi dengan kerajaan Israel pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, juga yang telah menimbulkan mengenai Myanmar. Saya telah pun menjawab tadi bersama-sama dengan Yang Berhormat dari Tanjong dan Kota Melaka.

Mengenai sokongan Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi, saya mengucapkan terima kasih kerana menyokong pendirian Menteri Luar Negeri kita di OIC dan saya berharap begitu juga di dalam negeri mendapat sokongan dari Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Mengenai pendirian kita dengan Afghanistan ini, izinkan saya nyatakan di sini bahawa kita berharap perkara ini hendaklah ditangani melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga pertubuhan-pertubuhan serantau seperti OIC. Itulah sebab kita memang perlu menggunakan forum ini untuk kita bersama-sama menyelesaikan. Kita juga menggesa pihak-pihak yang bertelingkah dapat menyelesaikan perbezaan pendapat mereka ini di kalangan mereka melalui meja rundingan. Kita memang menyokong sebarang usaha dari mana-mana pihak ke arah penyelesaian krisis di negara tersebut dan seterusnya mengekalkan keamanan di Afghanistan.

Yang Berhormat dari Ledang, saya ucapkan terima kasih atas sokongan dan juga perkara-perkara yang telah ditimbulkan dan kita akan terus sama-sama berusaha dalam perhubungan dua hala kita untuk memperkuatkan lagi kerjasama dan untuk menjaga kepentingan serantau.

Mengenai isu Batu Putih yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang dan ada dua Ahli Yang Berhormat tadi yang menimbulkan mengenai Batu Putih, iaitu Yang Berhormat dari Tumpat dan Libaran juga. Izinkan saya nyatakan di sini bahawa Malaysia dan Singapura telah bersama-sama bersetuju untuk mengemukakan isu ini kepada Mahkamah Antarabangsa untuk mendapatkan penyelesaian. Jadi, pada masa ini perbincangan sedang diadakan untuk menyiapkan perjanjian khas untuk kita kemukakan kepada Mahkamah Antarabangsa. Begitu juga kita masih merundingkan untuk cadangan tetapi kemungkinan juga disampaikan kepada Mahkamah Antarabangsa mengenai isu yang telah ditimbulkan berkenaan Sipadan dan Ligitan.

Yang Berhormat dari Tanjong tadi juga telah menimbulkan mengenai Nigeria. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keahlian Nigeria dalam Komanwel telah pun digantung ekoran dari perkembangan yang tidak diingini berlaku pada bulan November, tahun lalu. Pihak Komanwel iaitu CHOGM pada tahun lalu telah menubuhkan satu kumpulan, iaitu Kumpulan Tindakan Peringkat Menteri mengenai Deklarasi Harare Komanwel iaitu Commonwealth Ministerial Action Group on the Harare Declaration untuk menangani pelanggaran yang serius dan berterusan terhadap prinsip-prinsip Deklarasi Harare, seperti demokrasi, hak asasi manusia dan sebagainya di negara-negara dalam Komanwel.

Jadi, fokus utama kumpulan ini ialah untuk negara-negara yang masih di bawah pemerintahan

tentera iaitu seperti Nigeria, Gambia dan Sierra Leone. Walau bagaimanapun, Sierra Leone telah pun berjaya melaksanakan program peralihan kepada sistem kerajaan yang demokratik. Jadi, Malaysia adalah salah satu daripada 8 negara ahli CMAAG ini, termasuk Britain, Kanada, Ghana, New Zealand, South Africa, Jamaica dan Zimbabwe. Negara kita telah pun memainkan peranan yang aktif dalam kumpulan ini dan kita memang bertujuan untuk mengawasi dan membantu Nigeria melaksanakan program peralihan kepada sistem kerajaan yang demokratik.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, saya ingin nyatakan di sini banyak perkara ini saya akan kemukakan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri kerana ini masalah keselamatan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pihak kami dalam Kementerian Luar Negeri akan sentiasa berusaha bekerjasama dalam perundingan dua hala kami untuk sama-sama mencari penyelesaian dalam perkara-perkara yang telah menjadi masalah di sempadan ataupun di dalam kawasan rantau jiran kita.

Walaupun bagaimanapun, pada masa kini saya ingin menyatakan di sini kerjasama di antara negara-negara jiran kita memang kuat dan baik, terutama sekali dalam usaha kita menghadapi mana-mana masalah kita sentiasa dapat dari peringkat pemimpin, menteri dan juga peringkat pegawai kita, sama-sama telah dapat mengatasi pelbagai masalah yang telah timbul di antara jiran kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Libaran telah juga menimbulkan ucapan terima kasih atas sokongan beliau yang begitu kuat dalam kita menubuhkan EAEC ini. Izin saya nyatakan sekali lagi di sini bahawa EAEC kita tidak undur atau tidak menarik balik dari cadangan ini. Sebenarnya selama ini dalam forum-forum yang telah diadakan seperti ASEM dan juga ASEAN Dialogue dengan partners di sini, dan berbagai forum juga kerjasama ASEAN-Mekong Basin Development Programme juga. Di sini banyaknya melibatkan negara China, Jepun dan Korea yang nampaknya juga ini secara tidak langsung adalah kegiatan di mana forum yang melibatkan negara-negara East Asia ini untuk bersama berbincang dengan cara untuk membangunkan ekonomi dan juga kerjasama yang dapat memberi manfaat kepada rantau ini.

Inilah sebenarnya satu daripada tujuan asal dalam EAEC ini dan nampaknya walaupun tidak dipanggil secara rasmi, tetapi mekanisme itu telah berjalan dengan sendirinya. Inilah satu kebenaran bahawa

konsep ini yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah satu perjalanan yang kita tidak dapat nafikan dalam pembangunan rantau ini dan kerjasama yang akan memberi manfaat dari segi ekonomi dan stabiliti dalam kawasan atau rantau Asia ini.

Mengenai karenah media massa asing ini memang menjadi satu kebiasaan; sudah kita mendengarkan pelbagai isu yang telah diutarakan oleh media massa, khususnya di negara membangun dan negara Barat, termasuk negara Australia, walaupun ia di Selatan. Kita memang berusaha untuk menafikan dan juga untuk memperbetulkan maklumat-maklumat yang tidak betul mengenai usaha-usaha kita membangun ekonomi kita dan negara kita. Ingin saya menyatakan di sini kedutaan-kedutaan kita dan pesuruhjaya kita di luar negeri sentiasa peka kepada perkara-perkara yang timbul dalam media massa luar negeri, dan mereka ini sentiasa memberi maklum balas kepada kita, dan kita juga terus berusaha untuk menafikan atau memperbetulkan maklumat itu secara langsung dan secara tidak langsung.

Walaupun bagaimanapun, menerusi lawatan-lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga rombongan-rombongan menteri-menteri luar negeri kita kepada negara-negara yang kita ada hubungan hala, kita juga dapat memberi gambaran yang betul dan yang jelas kepada mereka ini bahawa pendirian kita dalam dasar-dasar ekonomi kita, dasar pelaburan kita yang tidak berdiskriminasi dengan yang cuma ingin sama-sama berusaha mendapat kerjasama supaya keseluruhannya konsep kita bekerjasama mencapai matlamat untuk membangun ekonomi keseluruhannya ekonomi dunia atau the global concept dengan jayanya.

Jadi, Walaupun bagaimanapun, Tuan Pengerusi, izinkan saya nyatakan di sini mengenai media-media massa ini memang kita terus mengambil kira walaupun mereka ini tidak dapat dikawal oleh kerajaan-kerajaan di negara mereka. Kita menerima hakikat ini, tetapi kita ada juga berusaha untuk mengingatkan bersama kerajaan kerajaan seperti negara Australia dan sebagainya yang sentiasa berhubung dengan kita untuk memperbetulkan gambaran-gambaran yang telah diberikan oleh media massa mereka.

Tuan Pengerusi, akhir sekali izinkan saya juga menerangkan di sini kerjasama dalam wilayah Sabah dan Selatan Filipina ini kita memang sentiasa memberi perhatian, dan menerusi Menteri Luar

Negeri kita juga telah mencadang kepada negara-negara OIC dalam persidangan di Jakarta bahawa untuk sama-sama berusaha untuk membangunkan ekonomi dan infrastruktur di kawasan-kawasan Filipina Selatan dalam usaha kita mencapai kedamaian dan kestabilan di rantau itu selepas perjanjian perdamaian yang telah dicapai pada dua bulan yang lalu.

Jadi, ini kita juga mencadangkan supaya satu forum dapat diadakan untuk mencari usaha kerjasama dengan negara-negara OIC dan juga negara ASEAN terus untuk menyokong pembangunan di kawasan wilayah itu. Begitu juga kita berharap ini akan seterusnya memberi penyelesaian kepada masalah-masalah pendatang tanpa izin atau masalah sosial yang masih wujud di kawasan-kawasan ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali izinkan saya juga menyatakan bahawa memang untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Libaran bahawa kita memang ada juga pegawai-pegawai carrier diplomat dalam Wisma Putra yang berasal dari Sabah dan sama kita terus menggalakkan banyak lagi anak-anak Sabah dan anak-anak Sarawak termasuk juga semua negeri kerana kita sekarang masih menyeru supaya kebanyakan anak-anak negara kita terus berusaha untuk bersama kita untuk memberikan khidmat dan sokongan untuk sama-sama membangunkan negara kita, menjayakan negara kita di peringkat antarabangsa bersama-sama dengan rakan-rakan mereka yang pada masa kini berusaha, walaupun mereka masih berkurangan tenaga, tetapi mereka terus berusaha untuk menjagakan nama baik kita dan juga terus menjelaskan dasar-dasar kita supaya Malaysia dapat juga tempat sama dengan negara-negara dalam peringkat antarabangsa.

Jadi, dengan itu sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi sokongan kepada kementerian ini dalam usaha kami untuk mencapai matlamat kita bersama. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM249,390,400 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM249,390,400 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM14,308,010 untuk Maksud P.51 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM14,308,010 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

Maksud B.52 [Jadual] -

Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan, 1997] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.52 dan Kepala Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yan.

4.48 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kerja Raya yang telah menunjukkan prestasi yang baik. Tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri yang begitu serius untuk mempertingkatkan perkhidmatan di bawah kementerian beliau.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang bekalan air. Saya berharap walaupun sekarang ini JKR memberi pinjaman, macam di Kedah diberi pinjaman untuk bekalan air kepada kampung-kampung, pihak kementerian juga perlu mengkaji semula, walaupun bekalan air di bawah kerajaan negeri tetapi kita dapati banyak paip yang telah lama dan usang dan ini memberikan bekalan air kepada yang sepatutnya sampai kepada rakyat, tetapi telah bocor di dalam tanah. Jadi, pihak kementerian sepatutnya menasihati kerajaan negeri dan memberi bantuan untuk memperbetulkan masalah-masalah ini supaya bekalan air ini dapat dibekal dengan secukupnya.

Begitu juga dengan penswastan bekalan air di negeri-negeri. Walaupun ini adalah hak kerajaan negeri, tetapi saya difahamkan pihak JKR selalunya akan diminta khidmat nasihat kepada jawatankuasa penswastan di peringkat negeri supaya sesuatu penswastan air itu akan tidak membebaskan rakyat dan tidak merugikan kerajaan. Saya ingin mengambil contoh, negeri Kedah terpaksa membayar RM5 juta setahun kepada syarikat yang menswastakan bekalan air, sedangkan saya tidak

dapat melihat perubahan yang sebaiknya. Kotlah air itu hendak jernih secara mineral water, tetapi dok macam itu juga. Kena musim hujan macam masa ini, dia naik macam milo 'o' tarik, dengan buih, dengan air, semua cukup. Jadi, apakah bezanya? Kalau sekadar untuk menswasta dan memberi kekayaan kepada sesuatu syarikat, saya kira JKR sendiri boleh mantain, bukan susah sangat. Hendak bubuh klorin dalam air, hendak beri air menjadi elok, saya fikir tidak susah setara mana sangat.

Jadi, di sini saya kira pihak JKR patut memberi khidmat nasihat kepada kerajaan negeri dan pihak JKR patut memberi costing kepada kerajaan negeri supaya win-win situation (menang-menang situation) dalam penswastan ini benar-benar berlaku. Saya tidak mahulah tengok rakyat terpaksa bayar lebih, kemudian yang untung segelintir masyarakat yang berniaga. Dalam Islam pun, dia tidak suruh, kalau kita berniaga untung terlampau-lampau sangat - pun tidak boleh. Dia haram balik bila kita dok perkenakan orang. Jadi, inilah, saya ingin sarankan di Dewan yang mulia ini supaya pihak kementerian, mungkin di negeri-negeri lain pun juga hendak diswastakan, kaji balik dan lihatlah supaya penswastan ini tidak membebankan rakyat dan tidak merugikan kerajaan.

Tuan Pengerusi, lagi satu, saya hendak minta bahagian perkhidmatan - JKR saya faham sekarang ini kekurangan jurutera. Ramai jurutera yang berkhidmat di bawah Kementerian Kerja Raya, sama ada dia berhenti ataupun dia memasuki swasta dan ini menyulitkan pengurusan dan pentadbiran pihak Kementerian Kerja Raya. Jadi, saya kira, mengapakah mereka melompat masuk ke syarikat swasta? Mungkin faktor pertama ialah pendapatan. Gaji yang lumayan, kadang-kadang perks yang lebih baik yang mereka dapat, sedangkan dalam perkhidmatan kerajaan mungkin mereka tidak mendapat sedemikian, mereka mungkin hanya mendapat bonus setahun sekali, tetapi mungkin dalam syarikat-syarikat tertentu mereka mendapat bonus sampai 4 bulan, 5 bulan dan sebagainya. Jadi, ini perbezaannya.

Jadi, pihak kementerian dan JPA patut kaji balik supaya perkhidmatan seperti Jurutera, kedokteran dan sebagainya patut juga - mereka ini pun setaraf dengan PTD yang lain. Kalau kita dok kira hendak jaga PTD sahaja, hak yang ini kita tidak jaga, pun tidak jadi juga. Saya kira doktor pun boleh menjadi pegawai pentadbir yang baik. Begitu juga jurutera. Kalau jurutera itu boleh menjadi pengarah JKR daerah, maknanya dia adalah seorang pegawai tadbir

yang baik, jadi, sepatutnya kita selaraskan. Jangan kita asing-asingkan. Kadang-kadang yang membuat skim gaji, dia pakat buat depa punya dulu, hak yang lain itu kira kemudian, jadi, aniyalah yang lain itu - depa tidak boleh. Lama-lama, bebai, merajuk, masuk syarikat - kita hilang pakar-pakar ini.

Tuan Pengerusi, begitu juga di daerah saya ini. Di daerah saya ini sudah berapa tahun, semenjak saya menjadi wakil rakyat, setiap tahun bercakap dok jadi madu macam itulah. Poligami dalam pentadbiran JKR. Dia ada dua - satu kepala dua daerah, jadi, dia tidak boleh memberi satu pentadbiran yang baik. Dia tidak boleh memberi satu concentration yang baik dalam menjalankan tugas. Kadang-kadang mesyuarat pembangunan daerah pun dia tidak boleh datang kerana dia hendak jaga dua, macam kita dok jaga dua isterilah - kelim kabut, itu hendak jaga, ini hendak jaga, bagi adil, lama-lama kedua-dua tidak adil. Jadi, rakyat yang rugi. Jadi, ini saya haraplah.

Tuan Pengerusi, kemudian saya hendak menegur sedikit tentang Pengarah JKR Kedah. Saya dapati banyak kompelin. Saya bukan seorang kontraktor, saya bukan seorang peniaga yang terlibat dengan JKR. Ini saya hendak clearkan dahulu, tetapi saya adalah Ahli Eksekutif Dewan Perniagaan Malaysia. Saya dapat banyak kompelin mengenai kelakuan pegawai ini yang kadang-kadang kurang sopan terhadap peniaga-peniaga terutama sekali kontraktor Kelas "F" dan sebagainya. Biasa peniaga-peniaga atau pemborong-pemborong ini bila masuk bilik, dia halau keluar macam itu sahaja. Jadi, sebagai pengarah JKR negeri, saya kira beliau patut berlaku sopan dan jangan ada perangai 'rempang', perangai tidak senonoh. Dia pun bukan berkelulusan rendah, tetapi berkelulusan tinggi - ada doktor pula itu. Jadi, kalau pegawai macam ini ada, saya berasa sukarlah.

Banyak sangat laporan yang saya dapat daripada pemborong-pemborong dan juga pegawai dalam JKR sendiri. Jurutera-jurutera biasa dimaki dalam mesyuarat macam itu sahaja, sedangkan mereka juga manusia dan mempunyai maruah. Jadi, kalau kita ada pegawai macam itu, saya kira kalau boleh Ketua Pengarah tolong hantar dia pergi kursus lain, seminar lain atau pun untuk menjaga kebaikan taraf JKR, saya cadangkan beliau ini di bawa keluar pergi ke negeri lain.

Seorang Ahli: Ke Sarawak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Janganlah semua hantar ke Sarawak bila semua yang tidak elok hantar ke Sarawak, kasihan juga Sarawak. Hantar di ibu pejabat dan letakkan di

bawah pengawasan supaya kita pulih balik akhlaknya yang kadang-kadang saya rasa agak kasar. Jadi, ini adalah rayuan saya kepada pihak kementerian supaya mengkaji balik, supaya pegawai-pegawai yang sedemikian kita jangan letak, kerana tugas pegawai ialah menjaga imej kementerian itu sendiri. Kalau ia tidak berkelakuan baik, maka kementerian itu akan dipandang tidak baik oleh masyarakat dan ini akan bercanggah dengan dasar kita untuk mengadakan masyarakat penyayang.

Saya harap pihak kementerian mengambil ingatan sedikit. Saya tidak mahulah hendak sebut nama kerana menjaga maruah, tetapi beliau adalah Pengarah JKR Negeri Kedah yang baru ditukar. Walaupun anak Kedah, tetapi hairan, perangai tidak macam orang Kedah lain. Tengok macam perangai Timbalan Menteri - sopan, saya pun apa kurang - lemah lembut, macam mana dia seorang ini pelik sangat, saya pun hairan.

Tuan Pengerusi, lagi satu saya hendak bercakap berkenaan dengan lebuhraya. Saya menyambut baik saranan menteri supaya di lebuhraya ini, kenderaan-kenderaan yang laju dan besar di beri satu laluan dan mereka tidak boleh menggunakan laluan-laluan main-lane, tetapi kalau kita kaji balik. Kita tengok kadang-kadang lebuhraya itu di musim itu ia tidak even, tidak sama, jadi, takungan air itulah yang kadang-kadang membawa kenderaan itu di luar kawalan kita. Kadang-kadang kita tengah 'lari', ia ada takungan air di kebanyakan jalan, terutama sekali di Lebuhraya Alor Setar-Gurun, Taiping dan Pulau Pinang sendiri. Jadi, ini amat merbahaya - bayangkanlah kita sedang 'speed', walaupun kita tengok 110 km di zaman sekarang ini tidak boleh pergi, tetapi 110 km ini cukup 'slow'. Bukanlah maknanya saya hendak katakan 110 km taraf merbahaya, 110 ini tidak merbahaya lagi, kadang-kadang kerana 'slow' itu pun boleh menjadi accident -dah ghalit, mengantuk, mengantuk, loop - habis.

Jadi, kita kena kaji balik maximum speed di lebuhraya ini supaya dia tidak memengantukkan orang dan mengganggu fikiran. Fasal lebuhraya ini dia straight macam itu sahaja, kalau lebuhraya lama itu dia bengkok bengkok, jadi, kita selalu waspada. Jadi, bila straight macam itu kita terghalit. Jadi, kadang-kadang kereta depan 'slow', hak yang belakang mai deras, bila depa ini berek terkejut, hak yang belakang sondol kereta kita dan kita sondol yang di depan. Jadi, ini pihak JKR kaji baliklah dan saya hendak minta hak yang takong air ini, dia kena perbetul. Cukup banyak, kalau tidak percaya ajak menteri berjalan di musim hujan, jangan dok naik kapal terbang sekarang ini, naik lebuhraya. Dia naik lebuhraya

daripada Johor Bahru sampai ke Perlis, kita tengok, di mana ada takongan-takongan itu - perbetulkanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Baru bercakap fasal takungan. Macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Maaf, hari ini tidak ada tawar-menawar.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Boleh saya gulung Tuan Pengerusi? Saya gulung. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi ini bagus.

Tuan Pengerusi, lagi satu, saya hendak minta kepada Kementerian Kerja Raya cuba selaraskan. Hak ini memang kita minta selalu, selaraskan pembinaan jalan. Kita ini di bawah satu kerajaan dan kementerian dia bukan banyak - Telekom, JKR - duduk dan kaji, sekarang ini kita nampak banyak duit-duit rakyat habis macam itu fasal dok korek, tampung, korek, tampung. Kawan itu datang korek, tampung sedikit, kawan ini datang korek, tampung sedikit. Kadang-kadang jalan itu baru sahaja dibubuh tar, tau-tau sudah mai korek.

Jadi, ini merugikan rakyat. Bukan setakat merugikan rakyat, jalan itu pun rosak. Kadang-kadang kita tidak boleh hendak salahkah sangat yang membawa kereta dan yang membawa lori ini, kadang-kadang jalan itu - dia hendak elak daripada lopak, takut kemudian keretanya rosak, elak-elak, boom - kena tentang lain. Jadi, kemalangan. Ini biasalah, saya pun biasa dok elak, tetapi saya elak di tempat-tempat tertentu.

Jadi, saya hendak minta supaya kita selaraskan. JKR memainkan peranan yang penting supaya mengkaji balik supaya kementerian mana, jabatan mana hendak korek atau tebuk jalan, rujuk kepada JKR. Kadang-kadang lori yang bawa tanah ini pun merosakkan jalan, sedangkan deposit untuk membaiki jalan itu tidak sejajar dengan kos hendak membina semula jalan tersebut. Hak ini pun pihak JKR tolong kaji balik. Pastikan, kalau berapa tan tanah merah yang hendak diangkut, hendak dilonggok di satu tempat, kaji balik kerosakan jalan itu dan berapa harga sepatutnya kalau kita hendak memperbaiki jalan itu balik supaya rakyat tidak menanggung kerugian dan tauke yang berniaga itu untung lebih.

Ini yang saya harapkan pihak kementerian dapat mengkaji semula, supaya jangan kita merugikan peruntukan rakyat. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuaran.

5.01 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian membahar Maksud B.52 dan P.52 sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Yan iaitu mengenai perancangan dan reka bentuk jalan raya dan terutama pula untuk mengelakkan kemalangan. Kita sering mendengar tentang kemalangan dan sesungguhnya kemalangan ini bukan semata-mata berlaku kerana kesilapan pemandu, tetapi ada kalanya perancangan jalan raya itu tidak menyelesaikan dan itulah antara lain yang menyebabkan kemalangan.

Jadi, satu daripada perkara yang sangat membahayakan nyawa ialah tentang takungan air di tengah jalan, seperti yang diutarakan oleh sahabat saya dari Yan iaitu kadang-kadang kita sedang memandu dan tiba-tiba pula, takungan air yang begitu besar di hadapan kita dan kita terpaksa mengelak daripada merintasi takungan air itu dan apa yang berlaku ialah kita cuba pergi ke sebelah, tetapi orang sebelah juga tidak tahu bahawa kita terpaksa berbuat demikian dan demikianlah antara lain sebab berlakunya kemalangan.

Takungan air ini berlaku atas dua sebab. Pertama, yang saya katakan reka bentuk jalan raya ialah jangan lagi kereta boleh jalan sedangkan air pun tak mahu masuk ke dalam parit. Jadi, tak tahulah bagaimana kalau air di tengah jalan tak mahu masuk ke dalam parit mungkin ada sesuatu yang tidak kena dengan reka bentuk jalan raya itu. Misal kata, kalau saya berjalan ke Nabawan dan saya nampak parit lebih tinggi daripada paras jalan raya, jadi bagaimana air boleh masuk ke dalam parit?

Dan ada juga di mana parit yang seharusnya diselenggarakan tetapi bila JKR membuat kerja-kerja ditimbun pula parit. Dan itulah sebabnya air bertakung dari atas jalan dan ini bukan sahaja menyebabkan jalan raya itu rosak tetapi ini boleh menyebabkan kemalangan. Jadi, saya mintalah supaya pihak JKR akan mengkaji keadaan ini supaya kita dapat mengurangkan kemalangan jalan raya.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah jambatan-jambatan dan saya difahamkan terutama di Sabah kebanyakan jambatan sudah uzur dan boleh membahayakan. Sesungguhnya mungkin, Tuan Pengerusi sendiri tahu di Sabah banyak jambatan sudah roboh, tetapi belum dibuat dan dibaiki lagi,

baru satu sahaja yang dibuat iaitu di Papar dan itu pun saya difahamkan kerana tergesa-gesa pembaikannya, mungkin terpaksa dibuat semula.

Yang saya ingin sentuh mengenai jambatan ialah di Pekan Tamparuli iaitu jambatan lama di mana menjadi sebahagian daripada jalan besar pergi dari Kiki ke Sandakan dan juga di tempat Tuan Pengerusi sendiri. Kalau jambatan di Tamparuli itu runtuh dan yang lama pun tidak boleh digunakan lagi, tidak ada jalan untuk pulang ke Sandakan, jadi, susahlah.

Yang kita utarakan di sini ialah malang itu tidak berbau dan jambatan ini tidak mustahil akan rosak dan sebaik-baiknya kalau ada alternatif. Oleh yang demikian, saya minta Kerajaan Persekutuan supaya bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk mempercepatkan pembaikan jambatan ini. Saya difahamkan bahawa memang jambatan di Pekan Tamparuli itu adalah di bawah kuasa kerajaan negeri dan sedang diselidiki, tetapi saya fikir satu daripada sebabnya yang sebenarnya, kerajaan negeri tidak mempunyai peruntukan untuk membinanya. Jadi, saya minta kementerian untuk memberi grant untuk memperbaiki jambatan ini supaya dapat diperbaiki secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah mengenai keadaan jalan raya. Kebanyakan jalan raya di negeri Sabah memang kita tahu bahawa Kerajaan Negeri Sabah diperuntukkan lebih kurang RM300,800,000 untuk pembinaan jalan raya ataupun untuk pembangunan tetapi kita harus menerima hakikat bahawa untuk Sabah dan Sarawak digabungkan bersama, lebih besar hampir dua kali di Semenanjung pun belum sampai sama saiznya.

Jadi, mintalah kerajaan ataupun kementerian untuk mempertimbangkan special grant untuk pembangunan jalan raya di Sabah dan juga di Sarawak, oleh kerana kawan-kawan dari Sarawak pun mengeluh, oleh kerana ada yang tidak ada walau satu jalan raya pun di dalam kawasan Parlimen. Ini memang betul dan memandangkan keadaan geographical feature di Sarawak, dengan izin, dan juga di Sabah, pembinaan jalan raya itu bukan sahaja penting sebagai perhubungan tetapi boleh meningkatkan lagi ekonomi rakyat dan sangat penting untuk diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai pembinaan Pan-Borneo Highway. Kita telah banyak kali membangkitkan perkara ini, tetapi saya nampak tidak ada peruntukan khusus untuk ini di dalam Belanjawan tahun hadapan. Jadi, saya minta kepada Kementerian Kerja Raya supaya membuat peruntukan atau memberi peruntukan untuk

mempercepatkan pembinaan Pan-Borneo Highway. Oleh kerana ia bukan sahaja dapat memudahkan perhubungan di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan negeri Sabah, tetapi ia boleh mempertingkatkan ekonomi di sepanjang jalan itu dan saya fikir itulah tujuan kerajaan. Saya ingin bertanya kepada kementerian, bilakah Pan-Borneo Highway ini akan betul-betul dapat disiapkan?

Satu lagi perkara ialah mengenai perancangan jalan-jalan baru. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya jalan raya yang diluluskan untuk maksud turnkey project itu haruslah alignmentnya, dengan izin, mendatangkan '*maximum benefit to the people and also to the government*', dengan izin. Bukan mengikut cita rasa jurutera perunding.

Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana jawatan saya, kerajaan telah meluluskan satu jalan raya baru dari Kota Kinabalu ke Sulaman. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan khusus kepada kementerian dalam hal ini. Tetapi yang saya ingin bangkitkan di sini ialah kawasan Tuaran ialah satu tempat yang mempunyai potensi besar untuk pelancongan. Tetapi jalan raya ini tidak direka bentuk sebegitu supaya ianya akan menjadi satu daripada kemudahan untuk perkembangan industri pelancongan di persisiran pantai. Jadi saya minta....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Yunof Edward Marinking: Ya. Saya minta supaya perkara ini akan dipertimbangkan semula dan perbelanjaan yang dikeluarkan itu tidak akan merugikan kerajaan di masa panjang. Oleh kerana tidak ada masa, Tuan Pengerusi, sekian sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serdang.

5.11 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 02300 Lembaga Lebuhraya Malaysia. Saya hanya bangkitkan satu perkara iaitu berkaitan dengan Lebuhraya Damansara-Puchong yang telah diswastakan kepada Detra. Saya membangkitkan perkara Lebuhraya Damansara-Puchong ini ada berkaitan dengan kawasan saya yang terlibat dengan kawasan Puchong.

Saya terkejut sedikit semasa penswastan Jalan Damansara-Puchong ini, dijadikan Jalan Puchong

terputus. Batu 8 hingga Batu 10 ditinggalkan di luar dari skop penswastan. Jadi, jalan ini dari Batu 8 hingga 10, Jalan Puchong ditinggalkan satu lorong, satu lorong tanpa apa-apa perubahan tetapi dari Batu 10, Puchong hingga Batu 12, Puchong telah diswastakan kepada Detra untuk dilebarkan dengan jalan 3 lorong. Daripada Batu 12, Puchong hingga Batu 14, Puchong, ditinggalkan, dikeluarkan daripada skop konsesi ini. Apa jadi dengan Jalan Puchong sekarang?

Saya tidak tahu Jalan Puchong ini, sebahagian hanya 1 lorong tidak dilebarkan, di tengah-tengah jadi jalan 3 lorong dan selepas itu jadi jalan 1 lorong. Saya minta penjelasan dari kementerian walaupun saya telah mengemukakan masalah ini kepada kementerian, kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Selangor pada bulan Mei sehingga sekarang. Tetapi, dengan tidak adanya penglebaran jalan yang tersebut, akan menjadikan satu sistem lalu lintas tersebut sesak dan jadikan bottleneck.

Tuan Pengerusi, jadi saya hendak menegaskan di Dewan ini, saya tidak menentang penswastan jalan raya kerana dengan adanya penswastan jalan raya ini akan memberi kemudahan, sistem jalan raya yang lebih sempurna lagi kepada rakyat. Tetapi, jangan membebankan rakyat dengan mendatangkan satu masalah yang susah kepada rakyat tempatan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang penting penswastan Jalan Damansara-Puchong ini telah melibatkan juga satu jalan baru iaitu dari Puchong ke Serdang. Sebenarnya jalan raya baru siap dibina oleh kerajaan dengan kosnya RM52 juta dalam dua fasa. Jalan raya dari Puchong ke Serdang ini siap pada awal Januari tahun 1995 dan telah dimasukkan dalam jadual skop konsesi ini. Ertinya pembinaan jalan raya yang dibina oleh kerajaan ini, siap sahaja, serahkan kepada pihak swasta di mana akan dilebarkan sedikit dengan dikenakan satu tol di tengah-tengahnya.

Tuan Pengerusi, pada pembinaan jalan raya ini oleh kerajaan kerana untuk satu hubungan antara Puchong dengan Serdang. Untuk memberi kemudahan lalu lintas kepada penduduk di kedua-dua kawasan ini dan juga dari segi pembangunan dan keselamatan. Maka dengan demikian itu, pembinaan jalan raya dijalankan dengan kos yang begitu besar, RM52 juta terlibat. Oleh yang demikian, dengan adanya tol di tengah-tengah itu akan membebankan rakyat di kedua-dua kawasan. Tambah jalan alternatif diwujudkan. Saya telah

mengemukakan cadangan saya, saya tidak tentang tol dipasang di situ tetapi bayaran tol di satu-satu tempat. Tetapi apa salahnya plaza tol itu diundurkan ke bawah sedikit supaya rakyat dari Puchong ke Serdang ini boleh lalu?

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, oleh kerana tanpa jalan alternatif ini akan menjadi satu masalah besar kepada penduduk-penduduk di Serdang dan Puchong. Masalah yang saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Lembaga Lebuhraya Malaysia baru-baru ini, sebab sekali lagi saya menegaskan di sini bahawa saya tidak ada niat untuk mencaci atau mengkritik tetapi tidak munasabah kepada kedua-dua kawasan ini. Dengan adanya pembinaan jalan dan peruntukan yang begitu besar ini dan diserahkan kepada pihak swasta dan dengan bayaran tol yang sedemikian. Tetapi, bolehkah kalau kementerian mengkaji semula supaya plaza tol diturunkan ke bawah sedikit, tidak ada rugi? Walaupun konsesi sudah beritahu saya, dia akan rugi 20% kalau plaza tol ini diturunkan ke bawah sedikit. Hanya 20 % tetapi

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka Bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tidak payahlah.

Tuan Lim Guan Eng: Takutlah.

Dato' Yap Pian Hon: Tidak ada masa lagi. Tuan Pengerusi, saya masih ingat satu perkataan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkaitan dengan penswastaan. Saya sebut, "*Syarikat-syarikat konsesi utama dikehendaki memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan sosio-ekonomi dan juga Unit Perancang Ekonomi sedang menggubal garis panduan untuk memastikan syarikat-syarikat berkenaan melaksanakan tanggungjawab sosial.*"

Tetapi, saya tidak tahu apa salahnya Detra, pihak konsesi ini pun boleh menimbang untuk mewujudkan jalan alternatif bagi kawasan Puchong dan Serdang. Atau untuk mengundurkan sedikit plaza tol daripada yang ditentukan ke bawah sedikit di selatan untuk memberi kemudahan kepada rakyat di situ.

Tuan Pengerusi, saya juga hairan sampai hari ini pihak kerajaan atau kementerian masih belum mengumumkan bayaran tol di kawasan tersebut. Tetapi, pihak Detra telah mengumumkan bahawa

katakan, kereta akan dikenakan bayaran RM1.50. Saya tidak tahu. Dan juga pihak konsesi ini telah mengatakan bahawa revenue akan dapat sebelum tahun 2000 akan mengutip RM175.2 juta. Dan sampai tahun 2006 akan meningkat sampai RM353 juta, kalau begitu kutipannya, apa salahnya untuk memberi sedikit kelonggaran kepada Jalan Puchong-Serdang by-pass ini? Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Bukannya ini jalan baru yang dibina oleh kerajaan! Sepatutnya ada satu cadangan yang munasabah bagi kedua-dua tempat ini. Satu lagi Tuan Pengerusi, saya pun hairan pihak Detra ini dia kata "For the Damansara- Puchong Highway has reaffirmed the stand not to bound to public pressure on the proposal location of the toll plaza and the alignment of the highway". Oh, lebih besar daripada kerajaan!

Syarikat konsesi ini menunjukkan satu sikap yang angkuh, yang sombong dan yang tidak bertimbang rasa kepada rakyat di kawasan tersebut. Tetapi sepatutnya setelah beberapa kali diadakan perbincangan, walaupun ia akan ditimbang oleh kementerian atau Lembaga Lebuhraya Malaysia, tetapi tidak ada hasil.

Tetapi saya merasa gembira kerana seperti penswastaan Jalan Sungai Besi kepada Best Raya Sdn. Bhd., syarikat konsesi tersebut telah memperuntukkan RM5 juta untuk membina satu jalan alternatif bagi kawasan Serdang supaya penduduk-penduduk Serdang boleh melalui jalan alternatif yang dibina oleh Syarikat Best Raya Sdn. Bhd.

Syarikat konsesi Grand Saga yang mendapat projek Jalan Cheras ini juga memperuntukkan RM1 juta untuk mengadakan satu jalan alternatif bagi orang-orang dari kawasan Balakong. Apa sebabnya Syarikat Detra ini tidak langsung ada jalan alternatif bagi Puchong dan Serdang ini?

Dengan demikian, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Yap Pian Hon: Saya minta pihak kementerian supaya menimbang tanggungjawab sosial kepada rakyat di kawasan tersebut di mana ia akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi selepas lebuh raya siap dibina pada masa akan datang.

Saya juga meminta penjelasan lebih lanjut dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya supaya mendapat satu gambaran nyata

terhadap perkara ini sebab pembinaan Lebuhraya Damansara-Puchong ini telah menimbulkan pertikaian, bukan sahaja di kawasan Puchong, tetapi di kawasan Petaling dan Damansara di mana penduduk-penduduk atau persatuan-persatuan penduduk telah menyuarakan masalah-masalah yang mana mereka tidak akan mendapat kemudahan lalu lintas yang akan diatur oleh Detra ini.

Jadi, ini penting kepada rakyat sebab Kerajaan Barisan Nasional adalah untuk membela rakyat dan saya sebagai Backbencher Barisan Nasional ada hak untuk mengkritik terhadap penswastaan Lebuhraya Damansara-Puchong ini dan ini bukan satu hak mutlak kepada parti Pembangkang sahaja, tetapi untuk kepentingan rakyat, saya minta pihak kementerian memberi satu gambaran nyata terhadap Lebuhraya Damansara-Puchong ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Teluk Kemang.

5.24 ptg.

Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebab masa yang begitu singkat, saya ingin mengemukakan satu masalah sahaja di bawah Maksud Pembangunan P.52, Butiran 078000 - Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan.

Sebagai Ahli Parlimen kawasan Teluk Kemang, saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa kawasan saya adalah terbentang di sepanjang pantai Negeri Sembilan, termasuk destinasi pelancong pantai Port Dickson yang begitu terkenal di seluruh negara.

Setiap hujung minggu, tidak kurang daripada 30,000 hingga 40,000 pelancong dari dalam negara dan luar membanjiri kawasan pantai Port Diskson. Oleh yang demikian, kita haruslah mengambil tindakan ke atas kekurangan yang dihadapi dengan secepat mungkin.

Satu masalah yang dihadapi di kawasan Teluk Kemang ialah masalah bekalan air. Sistem bekalan air di Port Diskson masih belum dipermodenkan walaupun bekalan air daripada Sungai Linggi dan Sungai Terip cukup untuk menampung keperluan di dalam daerah Port Dickson. Saluran paip lama yang telah berkarat dan bocor masih belum diganti dengan sepenuhnya walaupun masalah keperluan air telah lama dibawa ke pengetahuan JBA.

Sistem yang ada sekarang berdasarkan keperluan lima tahun yang lalu, jauh ketinggalan

berbanding dengan keperluan yang telah berlipat ganda di Port Dickson masa ini. Aduan-aduan ketiadaan bekalan air diterima hampir setiap hari, lebih-lebih lagi daripada penduduk kampung dan mustahak sekali daripada hotel-hotel yang ada di kawasan saya.

Tuan Pengerusi, sungguhpun Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan mempunyai projek-projek mempermodenkan sistem bekalan air yang besar bagi Negeri Sembilan, termasuk Port Dickson yang dibiayai melalui pinjaman antarabangsa iaitu Bank Dunia dan lain-lain, projek-projek ini mengambil masa terlalu panjang sedangkan masalah bekalan air semakin bertambah serius. Perkara ini berlaku disebabkan tindakan-tindakan yang diambil untuk menambahkan bekalan air tidak selaras dengan pembangunan yang sedang berlaku di kawasan saya.

Maka, saya mengharapkan pihak Kementerian Kerja Raya dapat mempertimbangkan projek-projek kecil sebagai stop gap measure untuk mengatasi masalah air dengan segera sementara menunggu projek-projek kekal yang akan disiapkan dalam lebih kurang 2 hingga 3 tahun lagi.

Sekian, Tuan Pengerusi. Dengan ini, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kuala Pilah.

5.26 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya membahaskan Belanjawan Kementerian Kerja Raya, Maksud B.52, khususnya Butiran 020200 - Rekabentuk Jalan dan Jambatan, Butiran 020400 - Perkhidmatan Penyelenggaraan Jalan dan Butiran 020500 - Bahagian Perancangan Jalan.

Pertama sekali izinkan saya menarik perhatian berkenaan jalan, khususnya jalan menghubungkan bandar Kuala Pilah dengan Seremban.

Tuan Pengerusi, kedudukan jalan utama di bawah Kerajaan Federal ini telah diwujudkan begitu lama. Kalau dahulu, semasa Yang Amat Berhormat Encik Ghafar menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau sendiri pernah bercakap mengatakan semenjak tahun wau dahulu, semasa beliau dilahirkan di Kuala Pilah dan semenjak jalan menghubungkan Seremban dan Kuala Pilah menggunakan kereta lembu, itulah jalannya iaitu melalui Jalan Bukit Putus.

Malangnya sekarang ini, setelah kita merdeka dan setelah kita berjaya membangunkan negara dengan begitu hebat, malang sekali Bukit Putus masih lagi terputus-putus. Jalannya bengkang-bengkok dan ini menyebabkan kepentingan pembangunan infrastruktur, pembangunan ekonomi di kawasan Negeri Sembilan Timur terjejas.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerja Raya kerana perkara ini telah dibangkitkan dengan Kerajaan Pusat, semenjak tahun 1987 lagi, malahan satu Memorandum telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan juga Timbalan Perdana Menteri. Apa yang kita tahu, peruntukan untuk tahun ini, mengikut apa yang telah saya tanyakan melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ada peruntukan yang telah diluluskan.

Saya ingin bertanya apakah perancangan Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan projek ini secepat mungkin, khususnya kalau boleh di dalam masa Rancangan Malaysia Ketujuh ini? Jalan ini sekarang berada di dalam keadaan yang begitu sibuk. Semasa 24 jam dari Seremban pergi ke Negeri Sembilan Timur, merangkumi Kuala Pilah, Jempol, Jelevu dan kadangkala juga banyak kenderaan menggunakan jalan sebagai alternatif pergi ke pantai timur melalui jalan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Kerja Raya tentang jalan dari Seremban ke Kuala Kelawang ataupun Jelevu, melalui Bukit Tangga.

Sungguhpun secara kebetulan jalan-jalan ini terpaksa merentasi dua bukit, kalau Jelevu Bukit Tangga dan kalau di Kuala Pilah itu perlu melalui Bukit Putus. Dengan adanya keadaan sekarang ini untuk menentukan pembangunan dapat dinikmati oleh rakyat di ketiga daerah ini, saya menyeru dan menyarankan melalui Dewan yang mulia ini supaya memberi 'priority' yang begitu serius untuk melaksanakan projek tersebut.

Kedua, Tuan Pengerusi....

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat-Jelevu, ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada rakan sahabat saya dari Kuala Pilah. Saya tertarik kepada hujah yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat mengenai dengan kedua-dua bukit yang antik di Negeri Sembilan. Saya mencadangkan, kalau boleh Yang Berhormat setuju tidak agaknya, ketiga-tiga tycoon dalam JKR ini, Menteri, Timbalan Menteri

dan Setiausaha Parlimennya, naik kereta tiga orang daripada Seremban pergi ke Kuala Pilah, pusing ke Simpang Pertang masuk ke Kuala Klawang dan terus keluar balik ke Seremban. Agaknya berapa lama dia tahan naik kereta? Sebab pada saya kemungkinan andaian yang diterima, laporan yang dikemukakan oleh jabatan peringkat negeri dan daerah, benda ini sudah lama sebenarnya, macam Yang Berhormat katakan tadilah, sejak tahun 1987 tetapi masih tertangguh-tangguh.

Agaknya apa masalah yang berlaku dalam jabatan ataupun kementerian ini? Makanya, tidak ada 'priority' langsung yang diberikan kepada kawasan kita. Kawasan kita ini nampaknya hebat juga kalau masa pertandingan pilihan raya, kalau calang-calang orang agaknya, supporters susah juga kita hendak menang. Minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih daripada Jelevu. Inilah rupanya perasaan orang di Negeri Sembilan sekarang ini kerana kita tidak mahu ketinggalan. Sebagaimana saranan Yang Berhormat tadi, saya pun bersetujulah kalau boleh Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen melihat sendiri kerana keadaan begitu teruk dan tidak sesuai kalau hendak dibandingkan keadaan sekarang ini. Dan bagi suara rakyat di kedua-dua daerah ini, kalau diambil dari segi pengorbanan mereka untuk menolong kerajaan, jangan lupa bahawa Negeri Sembilan sekarang ini tidak ada lagi pembangkang dan ini menunjukkan bahawa mereka tetap menyokong dan janganlah pula kiranya mereka yang duduk diam ini ditinggalkan, janganlah seolah-olah pepatah orang putih "The children who do not cry will not get the milk", so jangan tunggu kita menangis ataupun jangan pula menunggu kita menjadi satu pihak pembangkang. Kita tidak akan sekali-kali jadi pembangkang tetapi diharap dengan adanya kepimpinan yang begitu berwibawa dan dengan keadaan seluruh negara hari ini jangan kita diketepikan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menarik kepada perkara kedua berkenaan konsep dan kriteria Kementerian Kerja Raya dalam pembinaan pusat-pusat kutipan tol. Tuan Pengerusi, tol kita memang sedia maklum perlu dalam keadaan kita hari ini dan kita memerlukan banyak kewangan untuk mengelakkan perbelanjaan yang begitu tinggi kepada kerajaan, kita swastakan. Tetapi kementerian mesti juga peka dan prihatin.

Sebagai contoh, saya hendak menarik kepada Dewan yang mulia ini, pembinaan kutipan tol di

Jalan Pahang. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, apakah kriteria dan justifikasinya mewujudkan kutipan tol di Jalan Pahang itu? Di samping itu, saya hendak tahu bahawa kita tahu rakyat di dalam bandar terpaksa bayar cukai pintu kepada kerajaan tempatan, terpaksa bayar cukai kereta dan sebagainya. Obligasi kerajaan atau kerajaan tempatan sudah semestinya mengadakan jalan yang sesuai tetapi kalau dalam bandar seperti di Jalan Ampang, sungguhpun kutipan hanya 50 sen tetapi dari segi prinsipnya saya fikir tidak patut.

Saya ingin menyarankan di dalam Dewan yang mulia ini perlu mengkaji semula. Sebelum pihak lain menegur, biar saya tegur dahulu kerana perkara ini telah banyak dibangkitkan kepada saya dan soalan-soalan saya ingin kemukakan supaya kementerian ini wajar memikirkan sebaik-baik dan seriusnya sebelum mewujudkan kutipan-kutipan tol di mana-mana. Lebih-lebih lagi sekarang ini kita dengar bahawa kutipan tol ini telah keterlaluan. Banyak kutipan dibuat di sana sini. Dalam konteks ini saya ingin menarik perhatian kementerian, peranan obligasi sosial kerajaan kepada rakyat perlu diambil kira supaya kutipan ini tidak keterlaluan dan juga apabila kementerian membuat sesuatu perjanjian dengan mana-mana pihak swasta, wajar juga dikira ataupun ditimbang dengan cara serius supaya kenaikan kutipan tol itu tidak terlalu kerap.

Baru-baru ini kenaikan tol begitu ketara sekali. Di Dewan yang mulia ini banyak soalan telah dibangkitkan. Perkara ini saya fikir perlu juga diambil perhatian dan satu kajian secara menyeluruh supaya tidak menyusahkan, membebankan tanggungjawab ini kepada seluruh rakyat di negara ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan berkenaan Butiran (Projek) 50000 berkenaan Pembinaan Persimpangan Lampu Isyarat ataupun Traffic Lights. Sebagai contohnya, Tuan Pengerusi, kita di Kuala Lumpur ini terlalu banyak lampu-lampu isyarat seperti di Jalan Raja Laut. Adakah sistem ini sesuai dalam keadaan Kuala Lumpur yang begitu sibuk dengan kesesakan lalu lintasnya dan di sini saya ingin menyarankan dan meminta penjelasan daripada kementerian mengambil kira keselesaan dan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya di Jalan Raja Laut, apakah tindakan alternatif demi untuk mewujudkan perjalanan yang selesa, kelancaran kenderaan yang begitu baik di samping tidak menyusahkan rakyat?

Tuan Pengerusi, perkara ini perlu diambil kira kerana saya ingin mencadangkan, memandangkan

keadaan semasa kerajaan perlu membina banyak jalan-jalan raya yang elevated (elevated highway) sebagaimana yang dirancangan. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan tetapi di samping itu, wajar juga dikurangkan lampu-lampu isyarat ini di tempat-tempat tertentu. Dan pembinaan ini tidak termasuk di kawasan-kawasan yang tidak begitu sesak dengan lalu lintas seperti di tempat-tempat atau di bandar-bandar yang masih lagi tidak begitu sibuk.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh berkenaan dengan bekalan air. Bekalan air di peringkat Negeri Sembilan hari ini seperti contoh kawasan Kuala Pilah. Kita ada dua empangan iaitu Empangan Ulu Muar dan satu lagi Empangan Kelinci telah pun beroperasi. Air yang ditakung begitu hebat, begitu bersih tetapi bagi rakyat Kuala Pilah tidak menikmati air yang baik. Jadi, sebagaimana diperkatakan oleh sahabat saya tadilah, "Kera di hutan disusukan, anak di pangku kelaparan". Ini saya fikir perlu jugalah diambil kira kerana orang tempatan merungut kerana apa yang ada sekarang ini bekalan air daripada Jelai kadangkala terputus-putus dan juga ada beberapa kawasan di Kuala Pilah masih lagi mendapat air dengan cara 'treatment plant' iaitu digunakan secara klorin sahaja tetapi tidak mendapat bekalan air yang betul-betul 'purify', dengan izin.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Sekian, terima kasih.

[Tujuh Ahli Yang Berhormat bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nampaknya ramai lagi yang berminat hendak berucap, tetapi saya hanya boleh izinkan dua orang lagi. Jerantut.

5.40 ptg.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi oleh kerana memberi saya peluang, kasihan kepada kawan-kawan saya yang lain, I will be the second last person to speak.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 02100, 060000 dan 020000. Seperti mana yang saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini semasa berucap berkenaan dengan dasar ataupun perkara pokok dalam Belanjawan Negara, saya telah membawa dan membuat soalan berkenaan dengan

highway yang dirancang tetapi belum dilaksanakan yang menghubungkan Kuala Lumpur hingga ke Besut. Sahabat di sebelah kiri saya ini dia memang terpinga-pinga oleh kerana highway ini belum dapat dijalankan. Walaupun saya di Jerantut tidak akan menikmati highway tersebut, tetapi demi untuk membuka 'eastern corridor' dari segi industrinya, Pahang, Terengganu dan juga Kelantan apabila ditawan oleh Barisan Nasional kelak. Highway ini amat diperlukan sebagai satu perkara asas.

Tuan Pengerusi, kalau boleh saya ingin penjelasan dari pihak kementerian sama ada pihak yang telah pun membuat perundingan dengan kerajaan iaitu MTD, UEM dan juga MMC telah pun bersetuju untuk melaksanakan highway ini ataupun masih lagi mengekalkan sikap 'intransigent' atau 'foot dragging' yang saya rasa telah begitu lama. Saya telah menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, sekiranya mereka ini tidak hendak ataupun tidak berkeupayaan untuk melaksanakan projek ini, banyak lagi syarikat yang saya rasa boleh melaksanakan. Dan saya telah mencadangkan di dalam Dewan ini bahawa anak-anak syarikat daripada Kerajaan Negeri Pahang, mahupun daripada Kerajaan Negeri Terengganu, saya rasa, boleh menubuhkan konsortium untuk mengadakan highway ini. Jadi, kalau dia 'foot dragging' sampai setahun, setahun lebih dan dua tahun sekiranya masih di awang-awangan, saya rasa tidak perlu kita meminta kepada UEM, MTD dan MMC. Saya pohon agar kerajaan dapat mengadakan highway ini dengan berunding dan diswastakan kepada syarikat-syarikat yang lain.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga telah menyatakan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan jejambat yang melintasi kawasan rel kereta api di Jerantut. Saya difahamkan oleh pihak jurutera daerah Jerantut bahawa lintasan ataupun jejambat ini akan ditender di dalam bulan Februari, 1997. Kita berharap rancangan ini dapat dilaksanakan di dalam bulan Februari, 1997. Dan saya difahamkan kalau mengikut laporan dari jurutera daerah dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah bahawa tender akan dilaksanakan di dalam bulan Februari, 1997 dan kerja-kerja akan dimulakan di dalam bulan Mei atau Jun, tahun yang sama.

Saya memohon kepada pihak JKR supaya perkara ini tidak ditangguhkan, oleh kerana pada mulanya ia sepatutnya dilaksanakan di dalam bulan Mei ataupun April, 1996 ini tetapi telah ditangguhkan sehingga tahun depan. Saya memohon kepada

pihak Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Kerja Raya supaya perkara ini tidak ditangguhkan oleh kerana kesesakan dan juga seperti saya terangkan di dalam ucapan saya yang lalu, ia menyebabkan kecemasan daripada pihak penduduk bandar Jerantut.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan jalan raya yang menghubungkan Temerloh dengan Jerantut. Tadi sahabat saya dari Kuala Pilah dan Jelevu kata kalau menteri, timbalan menteri ataupun setiausaha Parlimen naik kereta dan mengikut jalan di Kuala Pilah ataupun tempat-tempat yang dinyatakan tadi, macam mana keadaannya? Saya rasa kalau menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen naik kereta melalui jalan antara Jerantut dengan Temerloh, saya rasa buat seumur hidup boleh jadi dia tidak hendak ikut jalan itu lagi. Saya rasa jalan itu begitu teruk sekali. Saya pernah pergi ke tempat-tempat yang dinyatakan oleh sahabat saya dari Kuala Pilah, jalannya boleh jadi bengkok-bengkok tetapi tidak seteruk apa yang ada jalan di antara Temerloh dengan Jerantut.

Kalau mengikutkan buku tebal Rancangan Malaysia Ketujuh, ada perancangan kerajaan untuk meningkatkan taraf jalan itu dengan perbelanjaan sebanyak RM40 juta mulai tahun 1996 ini, tetapi setakat ini saya tidak nampak apa-apa jua kerja untuk menaikkan taraf jalan tersebut. Saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian, adakah ianya akan dijalankan di dalam tahun depan ini dan kalau ya, bulan berapa? Itu yang saya hendak tahu.

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelevu bangun.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat dari Jerantut. Sememangnya saya pun maklum jalan itu, lebih kurang samalah, dua kali lima dengan Jelevu jalan itu. Tetapi saya juga ingin mencadangkan, kalau boleh Yang Berhormat juga cuba mencadangkan, apakah kementerian akan mengambil juga peringatan untuk hendak 'upgrade' jalan daripada Lipis ke Jerantut, teruk sangat jalan itu, daripada Benta. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kementerian juga mengambil perhatian ke atas jalan yang berkenaan?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada sahabat saya dari Jelevu. Yang sebenarnya jalan

daripada Lipis ataupun Benta ke Jerantut dari segi jambatan sedang dalam pembinaan dan kerja-kerja asas, saya rasa, sedang berjalan di beberapa tempat. Insya-Allah, akan dinaikkan tarafnya. Jadi, saya hendak cadangkan semua jalan dinaikkan tarafnya, senang, betulkah? Semua jalan dalam Kuala Lumpur naik taraf, luar Kuala Lumpur naik taraf. Saya tengok jalan dalam Kuala Lumpur ini balik, balik, Jalan Duta naik taraf; balik, balik, Jalan Duta. Jalan ke Gombak - punyalah teruk! Siapa duduk Gombak? Boleh jadi sahabat saya dari Kuala Pilah duduk di Gombak, bukan main teruk, Tuan Pengerusi!

Tuan Yunus bin Rahmat: Jelebu duduk di Gombak!

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Ha, Jelebu duduk di Gombak juga? *[Ketawa]* Bukan main teruk! Balik, balik, Jalan Duta oleh kerana orang besar-besar. Sekiranya orang kecil-kecil macam kita, ikut jalan tidak elok sedikit tidak mengapa. Jadi, saya berharap perkara ini dapat perhatian daripada pihak JKR.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kita berharap juga jalan kepada salah satu destinasi pelancongan yang terulung di negara kita, kita memasarkan 8 destinasi pelancongan ke seluruh dunia yang termasuk Taman Negara di mana secara kebetulan di dalam kawasan saya. Saya mintalah kepada kementerian supaya mengadakan satu rancangan yang betul-betul konkrit agar jalan ini yang menghubungkan Jerantut ke Taman Negara, 'one of the eight destinations' yang dipasarkan ke seluruh dunia, kita buat jalan cantik sedikitlah. Besok sekiranya tiba-tiba orang naik kapal terbang, selepas itu turun, sampai ke Jerantut, jalan bukan main cantik, untuk melihat (to see) hutan belantara yang tertua di dunia. Apabila sampai ke situ, dia tidak naik kereta pun tidak apa, tetapi untuk sampai ke situ, saya rasa, kita kena ada jalan yang lebih baik sedikitlah.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baram.

5.49 ptg.

Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas dalam Maksud Pembangunan 52, Kementerian Kerja Raya.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Menteri dan Kementerian Kerja Raya kerana sentiasa

bekerja kuat mencari jalan dan merancang jalan-jalan di seluruh negara ini dan juga kerana menyelesaikan masalah jalan raya dan bangunan-bangunan yang lain yang digunakan oleh negara kita.

Negara kita ini membangun dengan pesat dari segi pembinaan jalan raya, bekalan kemudahan asas seperti elektrik, air, sewerage system, dengan izin, dan lain-lain. Di Semenanjung Malaysia kita bangga melihat pembangunan dan kemajuan dalam beberapa bidang, khususnya seperti superhighway yang dikendalikan oleh PLUS. Tetapi apabila kita menginjak ke negeri Sabah ataupun ke negeri Sarawak, perbezaannya dari segi jalan raya sangat ternyata.

Oleh itu, saya ingin sentuh sedikit Butiran 04000 - Pembinaan Jalan-jalan Raya di negeri Sarawak, dan juga Butiran 09300 - Projek Jambatan, dan Butiran 09800 - Pembinaan Jalan Raya.

Di Sarawak kita tidak ada highway, hanya jalan utama Persekutuan sahaja. Dari Sematan terus ke Kuching, terus ke Sibu ke Bintulu dan ke Miri, jarak jauh 925.5 kilometer. Jalan utama Persekutuan ini pun sudah ditarkan. Jalan ini pun terus dibina dinamakan Jalan Pan-Borneo Highway apabila bermula dari Miri sampai ke sempadan Brunei dan ke Limbang, dan dari sempadan Brunei lagi ke Lawas dan Sindumin. Jalan ini pun belum lagi siap dibina. Jalan utama Persekutuan ini pun dari Miri di junction Miri-Bintulu ke Beluru ke Jambatan Labuk ke Mulu dan terus ke Limbang dan ke Lawas dan Sindumin, iaitu jalan yang menerusi kawasan saya di Baram. Jalan utama Persekutuan ini telah dibina ke taraf batu, tetapi hanya 46 kilometer sahaja yang telah dibina di kawasan saya. Dari Jambatan Labuk walaupun jambatan itu sangat indah sekali, kita hanya pakai jalan kayu balak sampai ke Long Bangau menerusi ke kawasan haraplah akan terus ke kawasan Bario yang lebih kurang jarak jauhnya 90 ataupun 100 kilometer.

Jadi, setakat ini keadaan jalan utama Persekutuan ini di sektor yang saya sebutkan ini, iaitu sektor dari Miri ke Beluru dan ke Jambatan Labuk langsung tidak memuaskan. Ianya berlubang dan mempunyai banyak lubang yang besar dan sangat merbahaya sekali.

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sri Aman bangun.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi kita baru sahaja mendengar cadangan dari Yang Berhormat dari Jerantut minta

semua jalan raya di Semenanjung dinaik taraf. Jadi, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Baram sama ada beliau bersetuju kalau kita juga minta semua jalan raya di Sarawak dan Sabah juga dinaik taraf?

Tuan Jacob Dungau Sagan: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu saya bersetuju 100%. Harap Setiausaha Parlimen ambil perhatian. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, musim landas yang lalu jalan yang saya sebut ini pun terputus dan sukar digunakan oleh pengguna-pengguna. Jadi, kita juga mempunyai satu kes di mana apabila rakyat kita hendak menghantar seorang pesakit ke hospital di Miri, pesakit itu pun telah meninggal dunia, tidak tahu oleh kerana jalan raya itu terlalu rosak atau pun beliau sendiri hendak "jalan".

Di sepanjang jalan ini juga dari junction Miri-Bintulu ke Beluru dan ke Jambatan Labuk ini kita juga mempunyai empat buah jambatan. Satu di Sungai Tenom yang sudah siap dibina - saya mengucapkan terima kasih; satu lagi di jambatan bailey di Sungai Bakong. Jambatan ini pun sekarang sudah senget, tempang dan sangat merbahaya. Saya harap kemalangan tidak berlaku sebelum ia dibina semula. Yang ketiganya, jambatan di Sebatang, iaitu bailey bridge telah pun rosak, collapse oleh kerana satu trailer yang membawa bulldozer tahun lepas, sangat berat sekali, jadi jambatan tersebut tidak dapat bertahan dan telah rosak dan roboh. Jadi, jambatan ini belum lagi dibina, hanya sekarang kita memakai enam batang kayu balak sahaja menjadi jambatan sementara. Ini lebih-lebih lagi amat merbahaya. Jambatan yang ketiga, iaitu jambatan di Sungai Bob pun sudah lama dan perlu dibina semula.

Tuan Pengerusi, keadaan yang seperti ini sepatutnya tidak boleh ditinggal sahaja. Janganlah menunggu kemalangan besar berlaku baru ambil tindakan. Sebagai Wakil Rakyat, saya rasa sedih dan malu mendengar rakyat berkata jalan utama Persekutuan di Baram lebih jahat lagi dari jalan kayu balak yang dibina oleh swasta. Keadaan seperti ini langsung tidak memberi semangat dan kepujian kepada Wakil Rakyat serta juga nama baik kerajaan kita.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada kementerian supaya sentiasa menyelenggarakan jalan-jalan ini dan juga jambatan-jambatan yang ada di sana, dan juga saya harap seperti mana yang kita sebut tadi taraf jalan ini dapat dinaikkan lagi. Kalau boleh dapat ditarkkan terus dari junction Miri-Bintulu Road sampai ke Jambatan Labuk. Saya diberitahu oleh Kementerian Kerja Raya dalam Dewan yang

mulia ini tempoh hari kerajaan telah meluluskan peruntukan RM35 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Tetapi apabila saya tanya pihak JKR di Sarawak, mereka kata hanya RM20 juta sahaja yang mereka tahu. Saya ingin penjelasan yang manakah yang betul peruntukan RM35 juta atau pun RM20 juta? Saya juga ingin tahu berapakah peruntukan bagi jalan ini dalam tahun yang akan datang, iaitu tahun 1997?

Saya juga sentuh sedikit tentang jalan dari Jambatan Labuk ke Long Lama, oleh kerana Long Lama ini menjadi satu pusat pertumbuhan desa di Baram. Jarak jauh jalan ini ialah 25 kilometer. Jadi, saya ingin tahu adakah jalan ini akan dibina atau pun mula dibina pada tahun yang akan datang. Dengan ucapan demikian, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian diminta jawab.

5.52 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada 7 orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan mereka mengenai Kementerian Kerja Raya, iaitu Yang Berhormat dari Yan, Tuaran, Serdang, Telok Kemang, Kuala Pilah, Jerantut dan Baram. Saya akan cuba menjawab.

Kepada Yang Berhormat dari Yan mengenai bekalan air. Peranan Kementerian Kerja Raya di dalam bidang bekalan air, sebenarnya kita beri khidmat nasihat dalam menyelaraskan semua bekalan air walaupun ianya di bawah bidang kerajaan negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah diperuntukkan RM470 juta untuk seluruh negara, tetapi untuk negeri Kedah peruntukan adalah RM34 juta.

Mengenai pegawai atau pengarah dalam JKR Negeri, kita ambil perhatian perkara ini.

Berkenaan dengan lebuh raya di mana dikatakan banyak takungan air di muka jalan, sebenarnya kita pun telah, dari masa ke semasa memperbaiki jalan-jalan tersebut dan saya harap juga pengguna-pengguna jalan raya akan sentiasa dalam keadaan yang cermat, jangan memandu dengan laju dan menggunakan jalan raya yang selesai ini dengan baik.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh tentang lebuhraya, saya ingin meminta penjelasan sedikit sebanyak daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kemungkinan dari segi alignment jalan yang harus dikaji. Adakah kemungkinan dengan muatan berlebihan daripada kenderaan-kenderaan berat yang melalui jalan lebuhraya dan sebagainya yang menjadi faktor kenapa jalan itu agak mendap? Adakah cadangan kementerian bagi mendapatkan peruntukan daripada World Bank dan sebagainya untuk membina jambatan atau pun titi timbang di sepanjang laluan Lebuhraya Utara - Selatan supaya lori-lori yang melalui lebuhraya tidak akan terkecuali daripada ditimbang oleh mesin-mesin berkenaan!

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, pembinaan sesuatu lebuhraya memang sudah diambil kira berat kenderaan yang akan melalui jalan ini. Barangkali di beberapa tempat tanah di tempat itu tidak cukup kuat, tetapi pembinaannya memang mengikut standard yang diperlukan sebagai satu jalan highway atau expressway.

Mengenai timbang untuk semua kenderaan kita akan membawa ke kementerian, tengok mana yang sesuai.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa Jabatan Kerja Raya memberi khidmat nasihat dari segi pengurusan air di negeri-negeri. Jadi, adakah pihak Jabatan Kerja Raya memberi nasihat yang tidak wajar sehinggakan penswastan air negeri Kedah, merugikan kerajaan negeri Kedah? Mereka berada mungkin dalam board itu, kalau mereka memberi nasihat yang tidak betul, jadi, itulah sebabnya hari ini menjadi masalah. Begitu juga, saya difahamkan dengan penswastan air di Johor, pun kerajaan terpaksa membayar balik kepada syarikat yang menswastakan.

Satu lagi, saya minta, kalau boleh tentang Pengarah JKR Negeri Kedah, diluluskan permohonan Ahli-ahli Konsortium Pemborong Bumiputera dan juga Persatuan Pemborong Negeri Kedah untuk bertemu dengan beliau untuk suaikenal dengan beliau. Sehingga hari ini beliau masih enggan untuk berjumpa dengan mereka. Jadi, saya berharap kalau kerajaan mengiktiraf persatuan ini, apakah Pengarah JKR Negeri Kedah tidak boleh mengiktiraf mereka sebagai pemborong?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, kalau sesuatu badan diswastakan, untung ruginya tidak dapat kita kawal oleh kerana ia telah diswastakan dan kita memang sentiasa memberikan nasihat, termasuk juga dari segi teknikal, dan kita juga memberikan peruntukan untuk pembekalan air di mana-mana negeri.

Mengenai pengarah ini, kalau dapat diarah untuk berjumpa dengan pihak pemborong, saya akan berunding dengan pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya supaya memberikan arahan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari.....

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jelebu bangun.

Tuan Yong Khoon Seng: Tidak Sempat habis ini?

Tuan Noh bin Omar: Saya cuma hendak perbetulkan penjelasan saya tadi. Dalam keadaan sekarang World Bank melalui JKR telah pun membina lebih daripada 30 stesen timbang di luar kawasan lebuhraya, di jalan-jalan negeri dan juga di jalan Persekutuan di negeri-negeri. Apa yang kedapatan sekarang ialah banyak di antara kenderaan-kenderaan yang lebih muatan atau yang bermuatan lebih - boleh jugalah - melalui jalan-jalan lebuhraya ini tanpa gangguan oleh pihak penguatkuasa. Mereka sering terlepas daripada penguatkuasaan untuk menimbang kenderaan mereka. Jadi, kebanyakan kemalangan berlaku juga di lebuhraya yang melibatkan kenderaan-kenderaan berat. Jadi, adakah kementerian akan mencadangkan supaya Lebuhraya Utara - Selatan akan membina stesen timbang di sepanjang jalan lebuhraya berkenaan, di tempat-tempat yang dikenal pasti supaya kenderaan-kenderaan yang melalui lebuhraya itu juga akan ditimbang bagi membendung masalah yang berlaku di atas jalan raya? Itu pembetulannya. Terima kasih.

Tuan Yong Khoon Seng: Kita akan timbang pertimbangan ini.

Yang Berhormat dari Tuaran - sudah balik, kita akan meneliti pandangan beliau.

Yang Berhormat dari Serdang - Lebuhraya Damansara-Puchong, saya hendak memberitahu di sini, pertamanya mengenai tol - ini belum ditetapkan. Keduanya, ada jalan alternatif yang telah diberikan kepada orang di kawasan ini dan jalan ini akan diperbaiki.

Dato' Yap Pian Hon: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, dari Puchong ke Serdang, hanya jalan baru yang dibina oleh kerajaan, saya tidak nampak alternatif, sebab saya tinggal di Serdang. Mana ada jalan alternatif? Saya tidak tahu. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memaklumkan kepada Dewan ini di mana wujudnya jalan alternatif di antara Puchong ke Serdang?

Tuan Yong Khoon Seng: Maksud saya ialah Damansara-Puchong, di mana ada beberapa tempat yang mempunyai jalan alternatif.

Dato' Yap Pian Hon: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ada apa-apa lagi Yang Berhormat?

Tuan Yong Khoon Seng: Kita akan memberitahu dengan teliti, susah hendak jawab di sini.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, bolehkah minta penjelasan lagi?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita diingatkan bahawa kita kena habiskan perbahasan sebelum masa suntuk.

Tuan Yong Khoon Seng: Itulah. Tidak apa, kita akan berikan jawapan nanti. Tidak ada masa lagi.

Tuan Pengerusi, saya cuba hendak jawab. Yang Berhormat dari Telok Kemang telah pun membangkitkan soalan bekalan air di kawasan beliau. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tadi saya telah pun menjawab satu tempat di mana peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah diadakan untuk kawasan ini dan ianya akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah yang telah mengundang kita pergi makan angin di bukit-bukau di jalan raya di kawasan beliau. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, kawasan saya lebih banyak bukit-bukau lagi. [Ketawa] Jalan ini lebih teruk lagi, saya faham keadaan ini, tetapi kerajaan dengan sedaya upaya akan memperbaiki jalan-jalan dan menaik taraf dan di mana yang kita mampu dan boleh.

Begitu juga undangan Ahli Yang Berhormat dari "Jerentut" ke Temerloh tadi kan?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jerantut, Yang Berhormat.

Tuan Yong Khoon Seng: Jerantut ke Temerloh! Saya ingat tak jauh bezanya, saya fikir lebih baik dari jalan-jalan di Sarawak. Tetapi, kita akan meneliti tempat ini.

Seorang Ahli: Banyak sungai!

Tuan Yong Khoon Seng: Sungai? Kita lebih banyak sungai di Sarawak! [Ketawa] Sorry! Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, dengan kutipan tol ...

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jerantut bangun.

Tuan Yong Khoon Seng: Okay!

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Pengerusi, kita ada 20 minit lagi lebih kurang, saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun, lepas saya itu Ahli Yang Berhormat dari Baram. Jadi, boleh saya mencelah sedikit. Saya rasa bukan masalah sama ada jalan itu lebih baik daripada jalan di Sarawak atau jalan di Sabah. Masalahnya, dari segi peruntukan, kalau mengikut yang saya katakan jalan Temerloh ke Jerantut, dari segi Rancangan Malaysia Ketujuh telah ditulis bahawa memperbaiki, meningkatkan taraf jalan itu sebanyak RM40 juta.

Persoalannya ialah sama ada perkara ini akan dilaksanakan atau tidak? Sama ada dia baik lebih atau kurang, baik daripada jalan di Sarawak, itu bukan persoalannya. Hendak baiki ataupun tidak? Kalau hendak baiki, bila? Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Yoon Khoon Seng: Tuan Pengerusi, prestasi Kementerian Kerja Raya, dalam mana-mana rancangan dan projek-projek memang lebih daripada 83%, ertinya ia akan dilaksanakan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kuala Pilah bangun.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, izinkan saya bertanya untuk penjelasan bahawa adakah Setiausaha Parlimen ingin memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan kutipan tol yang saya bangkitkan tadi?

Tuan Yong Khoon Seng: Berkenaan dengan kutipan tol, saya baru bercakap separuh sahaja, belum selesai lagi mereka sudah minta penjelasan. [Ketawa] Sebenarnya, kutipan tol daripada Jalan Pahang ini, ianya di bawah bidang DBKL. Tetapi,

kutipan tol ini memang ada satu cara di mana kerajaan menswastakan jalan ini oleh kerana dari segi penjimatan kewangan dan untuk mengadakan jalan yang selesa kepada pengguna-pengguna, tol ini memang dikutip, syarikat konsesi akan melabur beberapa billion ringgit ke sesuatu projek, ia perlu mengambil pulangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tol yang dikutip di jalan Utara-Selatan ini, memang terendah, di negara kita kadar bayaran tol adalah terendah jika dibandingkan dengan jiran-jiran kita, barangkali kita tidak tahu di negeri Thai kutipan tol tidak kurang dari 30 sen satu kilometer, di mana kita hanya mengutip 10 sen sahaja.

Mengenai tanggungjawab sosial syarikat dan kerajaan, kita memang memerlukan pihak syarikat akan lebih prihatin kepada obligasi sosial mereka. Saya harap juga mereka akan mengamalkan obligasi dengan sebaik-baiknya.

Dan empangan air, saya tadi ada sentuh sedikit dan elevated highway memang ada satu cara yang baru, yang baik untuk mengatasi kesesakan. Tetapi kosnya untuk membina lebuhraya elevated memang mahal sedikit, tetapi ianya adalah satu cara yang sesuai bagi satu kawasan yang pesat membangun.

Jejambat yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut, saya fikir kalau ada dalam peruntukan, memang kita akan meneliti supaya ianya dilaksanakan.

Bagi rakan saya dari Baram, jalan itu saya telah pun meneliti dalam kementerian dan kita akan cuba melaksanakan jalan ini melalui Miri, Bintulu ke Beluru sampai ke jambatan Labok.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang dapat saya jawab dalam masa yang singkat ini, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan mereka dan apa yang saya tidak dapat menjawab, kita akan mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,081,042,200 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,081,042,200 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,527,899,960 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,527,899,960 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1997 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut;

hendaklah disetujui.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah

Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA-TANAH (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [24 Oktober 1996]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sepatutnya sambungan oleh siapa yang belum habis berucap lagi?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dulu Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau belum habis berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tapi, dia tidak mahu berbahas, saya bahaslah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Balik Pulau, hendak sambung lagi?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, [Ketawa] telah lebih satu bulan....

Tuan Lim Guan Eng: Sudah lupakah? [Ketawa] Tidak apa saya beri jalan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:sudah lebih daripada satu bulan ketika saya sedang membahaskan undang-undang tersebut sampai naik lupa. Sebenarnya pada masa habis pada hari Khamis, bila entah, saya tengah menimbulkan kerisauan saya tentang inflasi yang begitu tinggi kepada aset yang dilandaskan kepada hartanah dan saya tengah, kalau saya ingat balik, memberi satu contoh tentang "bagaimanakah keadaan kenaikan harga yang begitu tinggi dan jauh lebih tinggi daripada apa yang dicerminkan oleh indeks harga pengguna dalam hartanah ini boleh menimbulkan pelbagai kesan yang begitu negatif kepada ekonomi negara"?

Saya juga tengah mengatakan bahawa satu, selain daripada menimbulkan tekanan yang begitu

kuat ke atas sistem kewangan dan institusi kewangan negara, kalaulah terjadinya penguncupan pada harga hartanah ini. Saya juga telah menimbulkan bahawa satu daripada kesan terjadinya aset driven inflation yang tinggi ini ialah ianya meluaskan jurang kekayaan pendapatan di antara mereka yang mempunyai keupayaan ataupun kuasa beli untuk memiliki hartanah dan mereka yang tidak berkeupayaan untuk memiliki hartanah ini.

Saya memberikan contoh, bahawa saya mengambil contoh yang sebenarnya berlaku dalam kawasan saya misalnya, 5 tahun yang dulu seorang yang berpendapatan RM1,000 sebulan berbanding dengan seorang lagi yang berpendapatan RM4,000 sebulan. Yang berpendapatan RM4,000 sebulan berkemampuan pada ketika itu, 5 tahun yang dulu berkemampuan untuk membeli sebuah rumah teres berharga dalam RM140,000, RM150,000 tetapi yang seorang lagi yang berpendapatan RM1,000 sebulan tidak berkemampuan untuk membeli rumah pada harga tersebut. Beliau juga tidak berkemampuan untuk membeli hartanah yang lain kerana dia terkeluar daripada golongan yang boleh dibenarkan untuk membeli rumah kos rendah. Tetapi tidak ada rumah di pasaran yang mana dengan pendapatan RM1,000 sebulan, dia ada kuasa untuk membeli.

Kalau kita lihat pada mulanya, perbezaan antara dua orang ini hanyalah empat kali ganda. Pendapatan yang seorang itu adalah empat kali ganda berbanding dengan pendapatan yang seorang lagi. Lima tahun kemudian, kalau kita andaikan bahawa kadar peningkatan pendapatan 2 orang ini adalah sama, katakan 8% setahun maka yang seorang lagi itu akan pergi kepada RM6,000 dan yang seorang lagi akan pergi kepada RM1,500. Lima tahun kemudian perbezaan pendapatan di antara 2 dua orang ini masih lagi 4 kali ganda. Tetapi dalam masa lima tahun tersebut, harga rumah RM150,000 yang dapat dibeli oleh si anu yang mempunyai pendapatan RM4,000 itu telah pun meningkat, mungkin sampai RM350,000. Itu bukanlah satu rekaan tetapi satu kenyataan. Memang ada rumah teres berharga RM150,000 lima tahun dahulu dalam kawasan saya yang sekarang ini bernilai tidak kurang dari RM350,000.

Maka hari ini, lima tahun kemudian kita lihat dari segi pendapatannya perbezaan antara dua orang ini tidak berubah. Empat kali ganda pendapatan dia lebih banyak daripada yang seorang lagi. Tetapi hari ini, bukan sahaja pendapatan dia lebih, tetapi orang mampu membeli rumah itu tadi sekarang telah memiliki kekayaan yang bernilai RM350,000. Kalau kita tolak hutang dia, RM150,000 maka dia

ada RM200,000 dalam bentuk kekayaan tetapi bukan dalam pendapatan. Dengan menggunakan lebih nilai pada asetnya, disebabkan oleh asetnya driven inflationnya begitu tinggi ini maka dia pula boleh mengambil caj yang kedua di atas kekayaannya tersebut dan mewujudkan rangkaian ini sekali lagi.

Jadi, kenaikan kekayaan dia ini adalah secara 'exponential', secara yang tinggi dan kita lihat sekarang ini jurang sebenarnya di antara orang ini dengan orang yang bergaji RM1,000 tadi itu semakin lama, semakin meluas. Keadaan ini berlaku dengan berleluasa, itu contoh orang berpendapatan RM4,000 dengan RM1,000. Kalau kita ambil orang yang berpendapatan RM10,000 dengan RM1,000 lagilah luas.

Maka, saya timbulkan di sini dua kesan. Tadi, tentang pasaran hartanah ini yang boleh disebabkan oleh penawaran hartanah yang begitu banyak sekarang ini yang dirangsangkan oleh pinjaman institusi kewangan sendiri kepada sektor ini begitu banyak, dia boleh menimbulkan tekanan penawaran yang banyak. Kalaulah terjadinya dalam keadaan sekarang lebih penawaran apa juga jenis hartanah sama ada ruang pejabat, ruang komersial, perumahan dan sebagainya, kalaulah terkurang sahaja kadar sewa, maka ianya akan menimbulkan satu keadaan yang panik. Apabila harga sewanya turun, maka nilai harga hartanah itu sendiri akan turun, dan bayangkanlah kalau harga hartanah itu turun maka aset-aset institusi-institusi kewangan juga nilainya akan turun. Itu satu.

Yang kedua....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Yang kedua....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sambung minggu depan, wah 3 kali [Ketawa] Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, diminta sambung Isnin depan.

Seorang Ahli: Seronoklah, masuk tiga kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.